

**Jilid I
Bil. 43**



MALAYSIA

**Hari Isnin
7hb Januari, 1980**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4213]**

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan) [Ruangan
4241]**

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- ” JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- ” TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- ” TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- ” DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- ” DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- ” DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- ” DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- ” DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- ” TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- ” DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N. P.I.S., J.P. (Johor).
- ” PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).

- ” PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- ” TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- ” DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- ” DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- ” TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- ” TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- ” TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- ” TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- ” TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- ” TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- ” TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- ” TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- ” DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- ” TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- ” TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- ” TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K (Kelantan).
- ” TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- ” TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- ” DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- ” TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- ” DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- ” TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- ” PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- ” TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).

Yang Berhormat PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).

- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., SB. ST. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAU TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Isnin, 7hb Januari, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

PERJANJIAN NEGARA-NEGARA
PERTUBUHAN PERSIDANGAN
ISLAM

1. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia adalah salah sebuah negara yang menandatangani Perjanjian Am mengenai kerjasama ekonomi, teknik dan perdagangan yang diluluskan dalam bulan Mei 1977 antara negara-negara Islam; jika ya, nyatakan bila Malaysia dijangka akan mengesahkannya.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Malaysia adalah di antara daripada 26 negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam yang telah menandatangani Perjanjian ini pada bulan Mei, 1977. Setakat ini hanya Bangladesh, Senegal, Republik Arab Mesir, Niger, Pakistan dan Arab Emiriah Bersatu telah mengesahkan perjanjian ini. Malaysia masih lagi dalam proses pengesahan perjanjian ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa Malaysia akan memproses perjanjian yang berkenaan ini. Apakah yang menyebabkan sehingga setakat ini proses itu belum dapat dibuat dan belum dapat ditandatangani. Adakah Malaysia bercadang bahawa tidak mahu masuk dalam perikatan perjanjian itu.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan tadi, masih lagi dalam proses pengesahan dan bukannya akan mengesahkan.

Ada beberapa perkara yang masih dalam pertimbangan kita terutama sekali perkara-perkara yang mungkin akan melibatkan implikasi terhadap perjanjian dua hala (bilateral) dengan negara-negara anggota pertubuhan ini yang telahpun diadakan perjanjian yang mungkin sama bentuknya nanti sebab itu, dalam pengkajian kita ini, kita sedang meneliti apakah perkara-perkara yang mungkin akan menimbulkan perancangan yang perlu dielakkan jikalau dan apabila kita mengesahkan perjanjian itu kelak.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kenapa di antara negara-negara Islam begitu sekali lembabnya untuk mengesahkan perjanjian yang begitu penting dari tahun 1977 sampai tahun 1980 tidak sampai suku negeri-negeri yang mengesahkannya manakala tiga suku lagi belum.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, bagi Malaysia selaku salah satu daripada negara anggota, sebab kelewatan telahpun saya terangkan tadi dan sebab-sebab kenapa negara-negara yang lain yang menjadi ahli Pertubuhan Perjanjian Islam ini lewat mengesahkannya ini masing-masing mempunyai masalah sendiri yang mungkin serupa sepertimana yang berlaku di Malaysia mempunyai keadaan-keadaan kita yang tersendiri juga yang membawa kepada kelewatan ini dan saya tidak dapatlah menyatakan bagi pihak negara-negara yang lain itu apakah sebabnya kelewatan bagi pihak mereka itu timbul.

PENTADBIRAN KERAJAAN

2. **Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang mengujudkan satu sistem di mana pegawai-pegawai Kerajaan boleh mengemukakan cadangan-cadangan yang boleh membawa kepada membaiki kecekapan pentadbiran Kerajaan serta juga kepada menjimatkan perbelanjaan dan pegawai-pegawai itu diberi hadiah wang mengikut nilai sumbangannya yang diterima dan dilaksanakan oleh Kerajaan.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun mengkaji sistem seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi difikirkan tidak berapa praktik kerana perlaksanaannya akan menimbulkan berbagai kerumitan dan masalah, tiap-tiap Jabatan terpaksa mengkaji dan menimbang segala cadangan yang dikemukakan oleh pegawai-pegawainya dari semua peringkat. Ini akan membebankan Jabatan dengan tugas-tugas tambahan, termasuklah menentukan sama ada cadangan itu munasabah ataupun tidak dan juga sama ada cadangan itu boleh dilaksanakan. Kerumitan lain ialah implikasi-implikasi yang akan berbangkit di dalam melaksanakan rancangan-rancangan tersebut, seperti implikasi kewangan atau kos. Dalam hal ini adalah dinyatakan bahawa Kerajaan telahpun mengujudkan Bahagian Kemajuan Pentadbiran di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1966 yang kemudiannya telah diganti dengan Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia yang diberikan tanggungjawab untuk membuat perakuan-perakuan di dalam meningkatkan kecekapan pentadbiran Kerajaan. Unit ini telah ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan perundingan pengurusan kepada organisasi-organisasi Kerajaan dan untuk mengemaskinikan pentadbiran awam dan mengukuhkan keupayaan pentadbiran supaya dapat melaksanakan rancangan Sosio-Ekonomi Negara dengan lebih berkesan. Walau bagaimanapun, tidaklah bermakna pegawai-pegawai Kerajaan dilarang menggunakan inisiatif sendiri mengemukakan apa-apa cadangan yang difikirkan berfaedah bagi melicinkan lagi sistem pentadbiran Jabatan mereka masing-masing. Pegawai-pegawai

Kerajaan digalakkan mengeluarkan pendapat masing-masing di dalam berbagai mesyuarat dan perjumpaan termasuklah seminar-seminar yang diadakan dari masa ke semasa.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Kerajaan kita tidak menafikan kita ada kerap kali mengambil pakar dari luar, tetapi kita juga tidak dapat menafikan ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan kita yang pakar di dalam satu-satu perkara. Jadi di dalam negara kita yang hendak membangun, kerjasama yang menyeluruh pada pendapat saya tenaga-tenaga pegawai kerajaan yang bermakna, yang ada menunjukkan kebolehan yang tertentu sebagai mutiara yang tersimpan, saya rasa sampai masanya kita beri peluang untuk mereka, katakanlah membuat satu kertas kerja yang unik, yang sungguh-sungguh diberi terus kepada Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri misalnya supaya dapat disemak bagi faedah negara yang amat besar, Tuan Yang di-Pertua. Pada pendapat saya sampai masanya harus dikaji. Kita tidak

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat—sila duduk!

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk!

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan saya belum habis lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk dulu! Saya suka mengingatkan Yang Berhormat iaitu menurut peraturan, soalan tambahan tidak bolehlah dijadikan perbahasan. Oleh itu, silalah mengemukakan soalan tambahan secepat mungkin.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Terima kasih. Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua tidak memberi peluang langsung untuk apa yang saya soal balik.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, adakah atau tidak cadangan Yang Berhormat Menteri boleh di satu masa, kita buat seperti apa yang dicadangkan ini.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, itu akan ditimbang.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalannya saya kaitkan berhubung dengan menjimatkan perbelanjaan pegawai-pegawai Kerajaan. Adakah Kerajaan akan bercadang bahawa suatu masa kelak pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan ini tidak boleh mengambil hutang dengan cara sewenang-sewenangnya iaitu dihadkan oleh Kerajaan. Adakah cadangan ini akan diterima oleh Kerajaan? Yang kedua, pegawai Kerajaan yang mana yang boleh mengeluarkan pendapat-pendapat yang berfaedah diberikan kepada akhbar-akhbar.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan hutang tadi saya begitu kurang jelas iaitu hutang manakah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Mengenai dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang boleh memberikan pendapat mereka melalui akhbar-akhbar saya ingat ini ada tertakluk kepada tugas-tugas pegawai-pegawai itu, ada pegawai-pegawai dibolehkan dan ada pula yang tidak.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan kepada Yang Berhormat Menteri kerana beliau tidak jelas fasal hutang. Saya hendak jelas fasal hutang di mana seorang kakitangan Kerajaan berhutang kepada sebuah syarikat kerjasama kemudian dia berhutang lagi kepada sebuah syarikat kerjasama, dia berhutang pula kepada seorang yang boleh meminjam wang. Jadi kepada mereka ada empat kali hutang. Adakah kejadian ini akan dibuat peraturan oleh Kerajaan supaya jangan hendaknya pegawai Kerajaan itu berhutang dengan dengan banyak-banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan lain.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau seseorang doktor pakar perubatan di hospital misalnya membuat operation, pakar itu diberi elaun. Dia seorang pegawai Kerajaan, tetapi dia diberi elaun oleh Kerajaan sebab dia pakar. Oleh kerana ini berkenaan dengan cadangan-cadangan pegawai-pegawai diberi hadiah bolehkah atau tidak pakar-pakar di dalam Kementerian-kementerian lain seperti engineer dan pakar-pakar juga diberi sebab Kementerian Kesihatan boleh?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya minta notis.

LALULINTAS DI BANDARAYA— KESESAKAN

3. Puan Dasimah Dasir (*di bawah S.O. 23*) (2) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau ada rancangan untuk mempopularkan basikal dan motosikal ringan (moped) di Wilayah Kuala Lumpur untuk mengurangkan kesesakan lalulintas.

Menteri Tak Berpottfolio di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan itu bahawa Kerajaan telah dan sedang mengambil tindakan untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di bandaraya Kuala Lumpur akibat pertambahan bilangan kenderaan dan pembangunan yang pesat sekarang. Selain daripada melaksanakan skim-skim seperti memperbaiki simpang-simpang, meluaskan jalan-jalan, membina jalan lingkaran, memperbaiki/membina jambatan, sistem mengawal lampu isyarat dengan komputer dan lain-lain, Kerajaan juga sedang memperbaiki sistem pengangkutan awam di Bandaraya. Ini adalah untuk menggalakkan orang ramai menggunakan kenderaan awam seperti bas-bas dan mengurangkan kegunaan kenderaan-kenderaan persendirian (private vehicles).

Adalah difikirkan bahawa kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur tidak diatasi dengan mempopularkan basikal dan motosikal ringan. Pada masa ini hanya terdapat lebih kurang 3% sahaja basikal dan motosikal ringan daripada jumlah bilangan kenderaan yang ada di jalanraya. Untuk mempopularkan basikal dan motosikal ringan memerlukan lorong-lorong basikal (cycle tracks) dan ini akan menjadi masalah memandangkan jalanraya yang ada di Kuala Lumpur tidak mempunyai rezab bagi membina lorong-lorong basikal oleh kerana kekurangan tanah bagi tujuan tersebut. Buat masa ini memperbaiki sistem pengangkutan awam dan jalan-jalanraya adalah difikirkan lebih sesuai untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di bandaraya Kuala Lumpur ini.

REJIM POL POT

4. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Luar Negeri menyatakan sebab-sebab Kerajaan menyokong rejim Pol Pot dalam Mesyuarat Negara-negara Berkecuali di Havana, Cuba, baru-baru ini.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun rekod Kerajaan Pol-pot ada menunjukkan kekejaman terhadap rakyat Kampuchea, tetapi soal pengganti atau tidaknya Kerajaan Pol Pot itu bukan hak kita atau dalam tangan mana-mana jua negara-negara. Ianya adalah hak mutlak rakyat Kampuchea sendiri.

Di Havana, sokongan Malaysia kepada Kerajaan Demokratik Kampuchea adalah di atas keinginan kita untuk mengekalkan kedudukan yang sedia ada, selaras dengan keputusan yang telah dicapai di Mesyuarat-mesyuarat Biro Penyelarasan Negara-negara Berkecuali di Maputo dan Colombo, di mana Demokratik Kampuchea dibenarkan hadir tanpa hak bercakap. Kita telah juga menyuarakan kesediaan mematuhi sebarang keputusan yang dicapai di Persidangan Negara-negara Berkecuali di Havana berkenaan perkara ini. Bagaimanapun, tidak ada keputusan sebulat suara yang dicapai dan kerusi Kampuchea di Persidangan itu telah dikosongkan sehinggalah Mesyuarat Menteri-menteri Luar akan datang yang dijadualkan akan diadakan di New Delhi dalam tahun 1981.

Kita mengambil pendirian menyokong Kerajaan Demokratik Kampuchea semata-mata berasaskan pegangan teguh kita kepada prinsip-prinsip asasi dalam hubungan antara negara-negara. Prinsip-prinsip perhubungan antarabangsa ini yang tercatat dalam piagam Bangsa-bangsa Bersatu, jika tidak dipatuhi dengan sepenuhnya oleh semua negara akan membawa kacau bilau dalam hubungan antarabangsa. Hal Ehwat dalam mana-mana negara, jua termasuk soal ganti mengganti Kerajaan negara itu, adalah hak mutlak rakyat negara itu sendiri. Demikian juga di Kampuchea. Oleh itu adalah jelas bahawa pendirian yang diambil oleh Malaysia terhadap soal Kerajaan di Demokratik Kampuchea di sidang Negara-negara Berkecuali di Havana itu adalah semata-mata berasaskan kepada pegangan kita kepada prinsip ini.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah ertinya Kerajaan kita menjadi ahli dalam negara-negara berkecuali sebab tidak ada sebuah negara di dalam dunia ini yang betul-betul berkecuali. Jadi, apakah maknanya Kerajaan kita menjadi ahli dalam pertubuhan negara-negara berkecuali lebih-lebih lagi mesyuarat ini diadakan di Cuba!

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan lain.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah recognition satu-satu negara. Apabila Kerajaan itu telah tumbang maka recognition bukan dari rakyat yang ada di negeri itu tetapi datangnya dari negeri luar. Saya hendak bertanya mengikut undang-undang antarabangsa iaitu kalau sesuatu puak dalam sesebuah negeri itu telah memegang teraju Kerajaan negeri itu, bermakna, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan yang telah mengambil control dalam negeri itu maka Kerajaan-kerajaan lain terpaksa memikirkan untuk memberi recognition kepada negara itu. Saya hendak bertanya apa sebab-sebabnya yang penting sekali ataupun ada kena-mengena dengan Prince Noradom Sihanouk oleh kerana dia akan membuat sebuah Kerajaan berkecuali di Kampuchea dengan sebab itu kita menanti perkara ini ataupun ada sebab-sebab yang penting. Kerajaan Pol Pot ini, memang telah membunuh hampir-hampir 2 juta rakyat Kampuchea dengan kejahannya. Oleh kerana Kerajaan yang ada sekarang ini memegang teraju Kampuchea dengan full control maka boleh atau tidak Kerajaan memikirkan supaya diberikan recognition kepada kerajaan Kampuchea sekarang.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi soal pengiktirafan ini adalah soal yang berpuncakan dengan cara pembentukan satu-satu Kerajaan dalam negeri yang berkenaan, khususnya di sini negara Kampuchea. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah mengiktiraf pemerintahan Pol Pot dan perubahan yang berikutan adalah berlaku dengan adanya campurtangan kuasa luar dalam Kampuchea sendiri. Inilah perkara yang menjadi persoalan sama ada kita semestinya ataupun hendak mengiktiraf sesuatu badan yang cuba berkuasa di dalam sesuatu negara dengan penglibatan kuasa

luar. Atas soal utama inilah bahawa Kerajaan tidak dapat membuat perubahan sikap dalam pengiktirafan kita terhadap mana satu Kerajaan yang sah di Kampuchea.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini adakah di antara satu sebab hingga setakat ini bahawa Kerajaan Kampuchea yang diketuai oleh Pol Pot itu masih menjadi ahli anggota Bangsa-bangsa Bersatu dengan sebab itu kita patut juga memberi sokongan kepada Kerajaan itu.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat Senator itu faham tentang keadaan di Bangsa-bangsa Bersatu kerana beliau baharu sahaja balik daripada UN, dalam mana perwakilan dalam Bangsa-bangsa Bersatu, negaranya masih menjadi ahli Bangsa-bangsa Bersatu, tetapi seperti Ahli Yang Berhormat masih ingat apabila dibincangkan manakah satu Kerajaan yang boleh mewakili negara Kampuchea, inipun diperdebatkan di Bangsa-bangsa Bersatu dengan keputusan bahawa tauliah telah diberi untuk mewakili negara Kampuchea kepada Kerajaan Rejim Pol Pot khususnya Kerajaan Demokratik Kampuchea.

ASEAN—MATLAMAT VIETNAM

5. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar bahawa Vietnam bertujuan untuk mengawal (control) Asia Tenggara dan jika ya, apakah caranya Vietnam dapat mengawal negara-negara ASEAN dan sama ada satu-satu kuasa yang besar menyokong Kerajaan itu.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini biasanya disoal oleh penuntut-penuntut sains-politik, dan adalah merupakan soal akademik. Walau bagaimanapun, apa yang penting bagi Malaysia ialah pengawasan keadaan dalam negara, supaya ketahanan negara sentiasa terjamin, dan seterusnya ketahanan tiap-tiap negara anggota ASEAN dan ASEAN perlu diwujudkan supaya ianya akan mewujudkan pula ketahanan rantau ini.

Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain yakin bahawa situasi serius ini memperkuatkan lagi betapa pentingnya diwujudkan konsep ZOPFAN dan seterusnya telah menekankan perlunya semua negara-negara di rantau Asia Tenggara termasuk negara-negara Indochina untuk mengamalkan dasar-dasar yang sejajar dengan matlamat-matlamat ZOPFAN. Di samping itu kita telah menekankan bahawa sikap kita terhadap pertikaian di Indochina ini adalah berasaskan sikap berkecuali yang tegas dan tidak masuk campur dan didorong ke arah menjauhkan campurtangan dari kuasa-kuasa asing.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Satu daripada soalan saya iaitu satu kuasa besar menyokong Kerajaan itu belum dijawab. Jadi, saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana sayap Vietnam sekarang telah kembang dan sayapnya mengembang sampai ke Kampuchea. Tadi Yang Berhormat telah menjawab Vietnam telah mencero boh ke dalam Kampuchea. Dengan sebab itu, saya telah mengatakan di sini oleh kerana kekuatan sayapnya tentu ada kuasa yang lebih besar lagi yang ada menyokong di belakangnya, itu sebab saya bertanya, ada atau tidak. Kita tahu siapa dia kuasa besar yang menyokong di belakangnya. Dengan sebab itu macam mana kita akan mengawal supaya sayapnya jangan kembang sampai ke negara-negara ASEAN.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf jika tidak begitu tepat menjawab bahagian kedua yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator itu. Dalam banyak pertikaian antara negara-negara yang berlaku sekarang di mana-mana tempat dalam dunia menjadi kebiasaan sama ada berpuncakan ataupun kemudiannya ada penglibatan secara langsung ataupun tidak kuasa-kuasa besar. Jadi apa yang berlaku di kawasan yang ditimbulkan pertanyaan sekarang ini tidaklah dinafikan adanya campurtangan kuasa-kuasa besar.

Bahagian kedua soalan tambahan Yang Berhormat Senator itu telahpun saya jawab iaitu dari segi persiapan negara Malaysia dan rakan-rakan di rantau ini untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang disebutkan tadi.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masalah hendak menguatkan ketahanan, khususnya Malaysia dan amnya ASEAN sebagaimana huraian yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, saya ingin tahu bahawa pemergian Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita pada 9hb ke Vietnam ini adakah dengan tujuan itu atau dengan panggilan-panggilan daripada Kerajaan Vietnam. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan "kuasa luar", tidakkah dapat diberitahu dalam Dewan ini siapa dia kuasa luar yang ada di belakang Indo-China itu?

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, pemergian Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri pada 9hb sehingga 11hb Januari nanti ke Vietnam termasuklah membincangkan perkara-perkara yang ditimbulkan sekarang dan perkara-perkara yang lain merupakan kerjasama dua hala. Tentang perkara-perkara yang ditimbulkan ini adalah secara menyeluruh, di samping memberi penekanan kepada perkara-perkara yang agak mendesak.

Bahagian yang kedua soalan Yang Berhormat Senator itu saya percaya Yang Berhormat pun lebih maklum apakah negara-negara yang mungkin ataupun yang nyata terlibat dalam pertikaian di Indo-China ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita selalu silu-silu kata ban diplomatic. Apabila terhadap kepada satu-satu kuasa yang besar itu, kita selalu silu-silu. Kepada Vietnam, kita kata Kemboja langgar Vietnam tetapi kepada Russia, kita takut mengatakan apa sebabnya Russia menyokong Vietnam, kita tidak mengatakan apa sebab-sebabnya. Apabila kita silu sangat macam apabila kita mengatakan Russia melanggar Afghanistan kita tidak mengatakan Russia melanggar, tolonglah undur. Apa sebabnya begini?

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, daripada cara dan soalan Yang Berhormat Senator itu sendiri tidak perlulah saya menjawabnya pula lagi.

NOMBOR KERETA PENDAFTARAN

6. **Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau akan bercadang supaya mengadakan satu rang undang-undang mewajibkan semua tuan punya motor membubuh cap nombor kereta masing-masing yang tidak dapat dikikis di atas cermin besar dan cermin belakang untuk mencegah dan mengurangkan kejadian penjenayah menggunakan nombor palsu bagi tujuan jahat.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar tentang masalah penggunaan nombor-nombor pendaftaran palsu oleh penjenayah-penjenayah sewaktu hendak melakukan kejadian jahat. Kementerian saya sedang membuat kajian-kajian bagi mengatasi masalah tersebut.

Usaha-usaha mengukur nombor-nombor pendaftaran di cermin depan dan cermin belakang kenderaan merupakan langkah yang baik dan Kementerian memang menggalakkan inisiatif ini. Walau bagaimanapun, Kementerian saya buat masa ini tidak bercadang bagi mewajibkan semua pemilik kenderaan mengukur nombor-nombor pendaftaran kenderaan mereka di cermin depan dan cermin belakang kenderaan-kenderaan tersebut.

RASUAH BAGI KAKITANGAN KERAJAAN

7. **Dato' Sulaiman Ninam Shah** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan dari bilangan kes-kes yang dibawa ke mahkamah di bawah "Prevention of Corruption Act", berapakah yang berkaitan dengan kakitangan Kerajaan dan daripada ini, berapa pula yang berkaitan dengan pegawai-pegawai Superscale, pegawai-pegawai A-scale, pegawai-pegawai B-scale dan kakitangan am.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 948 kes yang melibatkan kakitangan Kerajaan telah dibawa ke mahkamah di bawah Akta Pencegah Rasuah dan Undang-undang yang bersangkutan-paut dengan kesalahan rasuah sejak Badan Pencegah Rasuah disatukan menjadi satu yunit pada tahun 1967 dan selepas itu Biro Siasatan Negara hingga bulan Oktober, 1979.

Pecahan kes-kes tersebut adalah seperti berikut:

Superscale (Tingkatan Tertinggi)	=	9
A Scale (Kumpulan A)	...	= 62
B Scale (Kumpulan B)	...	= 220
Kakitangan Am	= 657
		<hr/>
Jumlah	...	948

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa sekarang apabila seseorang pegawai Kerajaan didapati terlibat dalam melakukan satu-satu kesalahan di bawah Undang-undang tersebut seperti dinyatakan dalam soalan asal ini, biasanya mereka disuruh bersara daripada sesuatu jawatan. Sungguhpun peruntukan diberi dalam Undang-undang ini dalam fikiran saya ini menjadi satu penggalakan kepada seseorang yang melakukan kesalahan itu. Misalnya dia sudah bekerja 30 tahun dan sebelum 2 tahun dia bersara dia terlibat dalam melakukan satu-satu kesalahan di bawah Prevention of Corruption Act ini. Adakah apa-apa cadangan dalam Kementerian Undang-undang untuk menghapuskan peruntukan seperti ini di mana apabila seseorang pegawai terlibat kita akan mengambil langkah menerusi mahkamah.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat peruntukan ini perlu. Kadangkala ada kes-kes yang wujud dalam perkara rasuah ini dalam mana kalau dibawa kes itu ke mahkamah mungkin kita tidak berjaya memperolehi conviction. Dengan itu, oleh kerana kita ada mempunyai bukti bahawa dia telah melakukan satu perkara rasuah yang saya katakan tadi mungkin tidak lekat di mahkamah, tindakan diambil di bawah peraturan itu supaya dia diminta meletakkan jawatannya.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya yang pertama mengenai keterangan Yang Berhormat Menteri, iaitu daripada tahun 1967 hingga 1979 sebanyak 948 kes. Saya suka bertanya pada tahun 1979 sahaja ada berapa kes yang berlaku.

Kedua, mengikut keadaan sekarang ini adakah kakitangan Kerajaan ini bertambah baik ataupun lagi bertambah naik peringkat kakitangan-kakitangan yang menyeleweng sedemikian.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, pecahan bagi tahun 1979 adalah seperti berikut:

Superscale	2
Kumpulan A	7
Kumpulan B	11
Kakitangan Am	59

Jawapan kepada soalan yang kedua, saya tidaklah mahu mengatakan bahawa keadaannya adalah bertambah lebih buruk pada masa-masa lepas, tetapi saya berani berkata keadaannya adalah terkawal.

DASAR PELAJARAN—PERAKUAN JAWATANKUASA KABINET

8. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan bila Kerajaan akan melaksanakan aspek-aspek penting yang dijadikan asas dasar pelajaran hasil rumusan Jawatankuasa Pengkajian Sistem Pelajaran yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan sama ada:

- setiap pelajar akan mendapat didikan dari 9 tahun yang ada kepada 11 tahun;
- pelajaran agama dan akhlak dijadikan matapelajaran peperiksaan;
- Kerajaan akan menghapuskan Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP).

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, (a) Perakuan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran yang melanjutkan masa persekolahan murid-murid daripada 9 tahun kepada 11 tahun adalah merupakan satu langkah jangka panjang dan pelaksanaannya nanti tidaklah akan dilakukan secara terburu-buru. Perkara ini memang sengaja ditimbulkan awal-awal lagi supaya usaha-usaha printis dan langkah-langkah persediaan yang sewajarnya dapat disediakan bertahun-tahun terlebih dahulu sebelum rancangan ini benar-benar boleh dilaksanakan.

Lagi pun pelaksanaan rancangan ini pada sebahagian besarnya bergantung kepada keadaan tertentu dan di antaranya ialah tertakluk kepada kemampuan dan keperluan Kementerian Pelajaran. Selain daripada itu usaha ke arah ini hanya akan bermula sesudah Kementerian Pelajaran benar-benar merasakan bahawa usaha-usahanya untuk membaiki dan meninggikan taraf pendidikan di sekolah-sekolah di luar bandar dan di kawasan mundur telah mencapai suatu peringkat yang memuaskan selaras dengan dasar Kerajaan. (b) Kedua-dua mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam dan Moral dan Etika diajar serentak di sekolah-sekolah. Matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam ialah untuk murid-murid Islam dan sesiapa sahaja yang meminatinya manakala pada masa yang sama juga murid-murid bukan Islam mengikuti matapelajaran Moral dan Etika.

Semua murid bukan sahaja diwajibkan mengambil matapelajaran-matapelajaran tersebut bahkan mereka juga diwajibkan mengambil salah satu daripadanya dalam peperiksaan awam; iaitu Pengetahuan Ugama Islam bagi murid-murid Islam dan Moral dan Etika bagi murid-murid bukan Islam. (c) Kerajaan tidak akan menghapuskan Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP).

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dua soalan tambahan. Pertama iaitu Jawatankuasa Pengkajian Sistem Pelajaran di negara kita yang baru ini rakyat ingin tahu masa kajian ini berjalan adakah Kementerian berkenaan mengambil fikiran-fikiran yang diberi oleh pakar-pakar pelajaran (educationists' view) di negara kita.

Kedua, bagaimana cara kita akan mengimplementasikan ini. Adakah kita akan mengimplementasikan dasar ini terus atau stage by stage oleh sebab tidak ada detailnya laporan yang baru, cuma rakyat dapat membacanya dalam suratkhbar iaitu seorang murid diberi peluang bersekolah sebelas tahun, tidak ada apa-apa detailnya.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan tambahan yang pertama, iaitu adakah pendapat-pendapat atau view daripada pakar-pakar itu ada diterima oleh Jawatankuasa Kabinet ini atau tidak, jawapannya ya, ada.

Kedua soalan tambahan itu, adakah kita akan melaksanakan perakuan-perakuan atau rekomentasi-rekomentasi daripada laporan ini mengikut peringkat demi peringkat? Jawapannya mestilah oleh kerana perakuan-perakuan ini yang banyak, jadi bila kita melaksanakan perakuan seperti itu mestilah mengikut peringkat demi peringkat dan ini juga bergantung kepada kebolehan dan juga kemampuan Kementerian Pelajaran.

RUMAH SENDIRI BAGI PEKERJA LADANG

9. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan mengapa pelaksanaan skim mempunyai rumah sendiri di kalangan pekerja-pekerja ladang tidak berjalan lancar seperti yang dijangka dan adakah kelambatan dalam pelaksanaan skim ini disebabkan oleh kurang sambutan dari pihak pengurusan ladang.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar menyatakan bahawa pihak Pengurusan Ladang-ladang tidak menyambut baik seruan Kerajaan untuk melaksanakan skim memiliki rumah bagi pekerja-pekerja mereka. Sebaliknya, minat yang ditunjukkan oleh tuan-tuan punya ladang dalam melaksanakan skim ini adalah menggalakkan. Setakat ini lebih daripada 50 tuan-tuan punya ladang dan lombong telah menunjukkan minat mereka untuk menyertai skim ini. Ini termasuk skim-skim di beberapa negeri dalam Semenanjung Malaysia.

Sukacita saya menyatakan bahawa skim ini telah dapat dilaksanakan dengan jayanya di dua buah ladang sebagai rancangan permulaan dan ladang-ladang ini adalah Ladang Batu Pekaka di Kedah dan Ladang Tennamaram di Batang Berjuntai, Selangor.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kesulitan atau kelewatan untuk melancarkan skim tersebut kerana tuan-tuan punya ladang dikehendaki memenuhi beberapa peruntukan-peruntukan di bawah Akta (Penggalian dan Perlesenan) Pemaju-pemaju Perumahan termasuk mendapatkan lesen sebelum kerja-kerja pembinaan dapat dimulakan. Faktor lain yang menyebabkan kelewatan ialah mengenai bentuk perjanjian pinjaman yang akan diambil oleh pekerja

yang menyertai dalam skim ini. Kementerian saya bersama-sama dengan Kementerian Perumahan sedang mengkaji perkara-perkara dan adalah diharapkan bahawa satu cara perjanjian pinjaman yang sesuai dapat diwujudkan tidak berapa lama lagi.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan membuat jawapan dalam soalan ini adalah menggembirakan pekerja ladang. Tetapi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah dinafikan bahawa ada setengah-setengah ladang dan juga kilang yang enggan menjalankan skim perumahan ini.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa ada juga majikan-majikan atau tuan-tuan punya ladang yang belum lagi dapat menerima rancangan ini. Tetapi rasa Kerajaan dan rasa saya sendiri adalah bahawa dengan perjalanan skim ini dengan lancarnya tanpa masalah-masalah yang sedang dihadapi, kebanyakan majikan-majikan akan tampil ke hadapan untuk menyertai ke dalam rancangan ini.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA/TAMIL— KEDUDUKAN

10. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil akan terus berjalan apabila Bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar ke peringkat universiti; atau ianya ditukarkan menjadi Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk menukarkan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil menjadi Sekolah Rendah Kebangsaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, (a) Berkenaan mengenai kedudukan Sekolah-sekolah Rendah jenis Kebangsaan Cina dan Tamil telah dijelaskan dalam Akta Pelajaran kita. Mengikut Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, kedudukan sekolah-sekolah

Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil adalah diperakukan dan dengan yang demikian sistem persekolahan peringkat rendah yang sedia ada akan diteruskan. (b) Oleh hal yang demikian, soal menukarkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil tidak timbul.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekiranya dikehendaki oleh ibubapa Sekolah Tamil dan Cina itu hendak mengubah sistem sekarang terus hendak menggunakan Bahasa Kebangsaan, adakah menjadi halangan kepada Kementerian ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

PASPORT ANTARABANGSA— PENGELUARAN

11. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengetatkan lagi pengeluaran Pasport Antarabangsa, bagi mengelakkan Pasport tersebut terlepas ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, pada hemat Kerajaan langkah-langkah yang sedang diambil adalah cukup ketat dan soal terjatuh pasport ini ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab, ini pada hemat kami adalah tanggungjawab pemegang pasport itu, biasanya kecurian dan kehilangan.

PASPORT MALAYSIA— PERMOHONAN

12. Datuk Haji Mohd. Tahir bin Abdul Majid (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan permohonan-permohonan pasport Malaysia memerlukan pemohon-pemohon menunjukkan kepada pegawai Immigresen kad-kad pengenalan, sijil-sijil kerakyatan dan sijil-sijil beranak sama ada beliau dapat membenarkan pengecualian sijil beranak ditunjuk dengan adanya sijil kerakyatan sebagai bukti.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tadi suruh ketat, dan satu daripada langkah yang diambil untuk mengetatkan kawalannya tadi iaitu memeriksa Sijil Beranak. Ini minta pula tidak usah tengok Sijil Beranak. Tetapi walaupun demikian, saya akan memberi pertimbangan dalam soal ini.

JENAYAH DI SABAH

13. Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan bahawa kejadian jenayah di seluruh Negeri Sabah masih beleluasa sama ada Kerajaan Persekutuan akan:

- (a) menambah bilangan anggota Polis di seluruh Negeri untuk memperhebatkan rondaan dan kerja-kerja penyiasatan;
- (b) menambah bilangan anggota dan memperluaskan perkhidmatan Ikatan Relawan rakyat (RELA) di seluruh Negeri; dan
- (c) memperkuat dan memperkemaskan kawalan keselamatan di kawasan-kawasan persisiran dan laut Negeri Sabah demi menjamin keselamatan para pengguna laut terutama sekali nelayan-nelayan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kalau dikatakan kejadian jenayah di seluruh negara Sabah itu beleluasa, ini mengikut statistiknya tidak benar. Ada memang ada, tetapi tidaklah beleluasa kerana statistiknya kita simpan menunjukkan tahun 1979 telah kurang daripada tahun 1978. Walau bagaimanapun memang kita menjalankan beberapa gerakan untuk menjaga dengan lebih rapi soal jenayah dan kajian yang aktif sekarang sedang dijalankan untuk memperhitungkan lagi berkenaan dengan penambahan bilangan anggota Polis di Sabah. Tetapi soalnya hendak menambah anggota Polis ini bukan sahaja di Sabah, tetapi ke seluruh negara dan problem seluruh negara ini iaitu pertamanya kalau kita dapat pun rekrut begitu banyak, tempat hendak melatih pada masa sekarang sangat terbatas sebab lambat bangunan-bangunan ini dapat didirikan tetapi insya Allah kita akan usahakan dengan segera.

Berkenaan dengan RELA di Sabah kita ada mempunyai 29,850 orang pada masa ini dan pada hujung tahun ini kita bercadang hendak mempertingkatkan bilangan itu kepada 40,000.

Berkenaan rondaan pula memang kita menambahkan rondaan bot-bot; baru sahaja saya sendiri memerintahkan kapal-kapal perang kita yang sekarang meronda Lautan China untuk mengawal supaya jangan masuk pendatang haram, 10 buah daripada kapal perang ini kita kirim ke Sabah sekarang untuk menjaga Sabah pula.

Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan: Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, satu kejadian perampasan kapal penumpang Saleha Baru terjadi di Semporna yang mana mengakibatkan beberapa nyawa terkorban. Saya percaya Yang Berhormat Menteri sendiri telah melawat ke tempat kejadian tersebut dan mendapat tahu mengenai dengan kejadian tersebut. Jadi apakah tindakan Kementerian berkenaan mengenai dengan trajedi tersebut untuk menjamin perasaan cemas pengguna laut di kawasan Pantai Timur (Sabah) kerana kita tahu nampaknya lanun-lanun sentiasa berada di pesisiran laut atau di kepulauan pantai timur negeri Sabah.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal lanun sebagai lanun dalam statistiknya lebih kurang tahun 1979 daripada tahun 1978. Umpamanya, kalau tahun 1978 kejadian lanun adalah 14, tahun 1979 hanya 7 termasuk Saleha Baru.

Soal perampasan kapal Saleha Baru itu lain sedikit, sekarang sedang disiasat dengan begitu rapi. Soal menjaga lanun seluruhnya seperti saya katakan tadi kita sudah menghantar 10 buah kapal perang. Apa hendak lagi?

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya tidaklah sama kacamata Kementerian ini dengan kacamata rakyat Sabah berhubung dengan berleluasanya dalam soalan ini. Jadi rakyat Sabah mengatakan bahawa kejadian lanun adalah beleluasa. Saya ingin tahu bagaimanakah takrif yang dikatakan oleh Menteri itu tidak beleluasa.

Kedua, tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan kita kurang anggota polis, dengan sebab itu terjadi rompak dan lanun. Bilakah masanya hendak menentukan tambahan anggota polis itu dengan mengatakan bahawa bangunan belum siap? Jadi rakyat hendak tahu, berilah satu masa yang tertentu, biar kami puas hati.

Ketiga, dalam masalah kapal perang 10 buah yang dihantar untuk mengawasi pendatang haram, adakah ini juga akan diperintahkan kalau sekiranya kedatangan penceroboh-penceroboh yang bercorak sukarela kerana membantu pemberontakan yang akan membantu gerila komunis di Sarawak.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan yang ketiga, tentulah bukan sahaja menjaga lanun, siapa sahaja mengancam keselamatan, kapal perang itu akan digunakan.

Soalan yang kedua, bilangan polis. Memang kita hendak pertingkatkan bilangannya tetapi lambat ataupun sangat disebabkan beberapa rintangan, beberapa batasan, bukan tidak ada hajat, tidak ada hendak membuat rancangan itu, memang ada tetapi semuanya ini adalah tergantung dan terikat kepada kebolehan kita mempercepatkannya bukan tidak ada hajat dan saya tidak dapat pada hari ini menyatakan bilangan yang kita hendak naikkan tetapi dalam anggaran kita pada hujung 1981 kita berkehendakkan lebih daripada 80,000 anggota polis tetapi dibuat dengan jalan berperingkat-peringkat, jikalau anggota polis ada tetapi pegawai tak ada pun susah juga, hendak melatih pegawai bukannya senang dan bukan dapat dibuat dengan segera. Ini hendak dilatih pegawai dahulu. Jadi sebab itulah nampaknya seolah-olah, bukan saya kata ya, tetapi seolah-olah benda ini bergerak dengan lambat tetapi benda ini tidak bergerak dengan lambat.

Soalan yang pertama tadi, katanya berleluasa, itu mengikut statistik. Kalau kejadian samun, geng samun umpamanya, tahun 1978—4 dan 1979—4 juga kejadian di Sabah, itu tak adalah nampaknya meluas. Kalau umpamanya lanun macam saya sebut tadi 14 pada tahun 1978, kalau tahun 1979 hanya 7, itu tidaklah berleluasa. Berleluasa maknanya bertambah-tambah. Kalau sekiranya pecah rumah dan curi dalam tahun 1978—908, tahun 1979 hanya 684, bukan tidak ada—ada

tetapi tidak bertambah. Itu maksudnya tadi, itu bukanlah berleluasa. Itulah dia istilah dan takrif yang dibuat.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kata Yang Berhormat Menteri tadi bukan hanya di Sabah sahaja bahkan di seluruh negara, cuma tempat yang hendak dilatih itu kurang, tidakkah Yang Berhormat Menteri memandangkan perkara ini amat penting dan bolehkah ini diusahakan lebih segera?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kita memang berusaha dengan segera, kalau saya boleh beri satu rahsia, saya hendak cuba ambil kawasan Syarikat Gula N.S. di mana pondok-pondok itu hendak dijadikan tempat latihan, kalau boleh Kerajaan Negeri Sembilan benarkan.

MINYAK DIESEL/TANAH— KEKURANGAN

14. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian, memandangkan bahawa kekurangan minyak disel dan minyak tanah di setengah stesyen-stesyen minyak adalah berpunca dari kegiatan pengedar-pengedar yang tidak bertanggungjawab dan berikutan itu beberapa serbuan mengejut telah dibuat; dapatkah Kementerian memberitahu bilangan stesyen-stesyen minyak yang telah didakwa dan pembatalan lesen yang telah dilakukan.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak bulan Julai, 1979 iaitu apabila kekurangan minyak disel dan minyak tanah telah dirasakan sangat, sebanyak 30 buah stesyen-stesyen minyak telah didapati melakukan berbagai kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961. Setakat ini 8 daripada stesyen-stesyen minyak ini telah didakwa di Mahkamah dan yang 22 lagi itu adalah di dalam proses siasatan atau pendaftaran untuk didakwa.

Mengenai sama ada pembatalan lesen telah dilakukan, ingin saya memaklumkan bahawa setakat ini belum ada lesen yang dibatalkan. Apa yang telah dilakukan ialah menggantung dan menahan lesen-lesen untuk dijadikan bukti semasa perbicaraan di

Mahkamah kelak. Walau bagaimanapun, Kementerian saya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan bagi membatalkan lesen pengedar atau stesyen-stesyen minyak sekiranya kesalahan tersebut diulangi ataupun kesalahan tersebut didapati sangat serious.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Cuba Timbalan Menteri baca akhbar hari ini (*Malay Mail*) sudah heboh di seluruh Kuala Lumpur iaitu bas tak boleh berjalan lagi oleh kerana minyak tak ada. Perkara ini telah dijawab dan terus dijawab tetapi terus menerus minyak disel tak ada. Jadi bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan bertindak tegas, sebab di dalam Dewan dia memberi jaminannya bahawa bulan ini ada minyak disel, tak berapa kurang; minggu ini tak ada minyak disel, minggu depan tak ada minyak disel. Jadi bolehkah atau tidak diberi jaminan dengan tepat sekali menyatakan minyak disel ada, tak kurang. Sekarang ini di mana-mana minyak disel sudah tidak ada. Bolehkah atau tidak dibuat begitu dan tolong baca akhbar hari ini.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun membaca laporan berita di *Malay Mail* hari ini tetapi mengikut pengalaman Kementerian saya apabila harga minyak mentah naik dan baru-baru ini di persidangan OPEC di Caracas di mana negara-negara pengeluar minyak tidak dapat mencapai persetujuan atas satu harga minyak dan selepas itu didapati harga minyak mentah ada perbezaan di antara satu negara dengan negara yang lain, maka dengan sebab itu timbullah masalah lagi mengenai harga bahan minyak mentah dan ini barangkali ialah sebab pertama yang mengakibatkan kekurangan bekalan tetapi seperti yang dilaporkan dalam akhbar itu, Kementerian saya terus mengambil langkah untuk menyasat perkara ini dengan seberapa segera yang boleh dan diharap, kita boleh mengatasi masalah kekurangan ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai masalah kekurangan minyak dalam negeri ini, Kementerian ini sedar. Satu perkara lagi iaitu kenaikan harga minyak antarabangsa, adakah Kerajaan bercadang

dengan seberapa segera yang boleh meluluskan permintaan syarikat-syarikat minyak yang ada dalam tanahair kita hari ini khususnya minyak disel supaya apabila dinaikkan harga, syarikat minyak itu tidak akan rugi dan ia boleh beli minyak mentah dengan senang dan orang ramai dalam negara ini tidak akan menghadapi kesusahan dalam masalah minyak bila Kerajaan naikkan harga minyak itu.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, apabila permohonan dibuat oleh syarikat-syarikat minyak untuk menaikkan harga barang-barang petroleum Kementerian saya mesti mengkaji dan meneliti permohonan ini. Setakat ini cuma satu syarikat sahaja telah membuat permohonan dan saya rasa tidak lama lagi Kementerian saya akan menerima permohonan untuk menaikkan harga minyak petroleum daripada syarikat-syarikat yang lain, selepas itu Kementerian saya akan membuat siasatan dan akan meneliti permohonan ini dan dengan secepat mungkin kita harap boleh diatasi bukan sahaja hal harga tetapi bekalan barang-barang petroleum.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Oleh sebab kesah minyak diesel ini tidak habis-habis, jadi saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah atau tidak Kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melantik pegawai tambahan secara sukarela untuk menyasat dan mengambil tahu tiap-tiap tempat yang menjual minyak ini sama ada minyak itu ada atau tidak? Orang-orang yang patut dilantik ini saya rasa termasuklah Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara umpamanya.

Saya hendak beri contoh berikutan perkara ini, pada 22hb Disember, 1979 sewaktu saya menghala balik ke Kota Bharu, seluruh Bandar Kuantan saya cari minyak diesel tidak dapat, seluruh stesyen-stesyen minyak yang ada di Kuantan tidak ada satu pun jawab ada, dia jawab kalau hendak minyak tunggulah besok, hari ini tidak ada. Jadi kerana hari itu hari Ahad, dia tahu Pegawai Penguatkuasa barangkali tidak bertugas pada hari Ahad (hari minggu), jadi semua minyak tidak ada, ditulis di situ "Habis", entah habis betul atau minyak ada kitapun tidak

tahu. Jadi bolehkah atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Kementerian yang berkenaan melantik pegawai-pegawai tambahan secara sukarela untuk membuat laporan kepada Kementerian yang berkenaan mengenai minyak diesel ini ada atau tidak ada di tiap-tiap negeri dalam Malaysia ini?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pegawai Kementerian saya tidak cukup untuk menjalankan tugas menyasat perkara seperti ini, tetapi rasa saya jika kita tambah baik pegawai, baik Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Negara untuk menjalankan perkara ini, kalau timbul kekurangan bekalan daripada punca (source) masalah ini tidak dapat diatasi. Apa yang kita sekarang ada ialah kita mendesak semua stesyen minyak membuat laporan kepada Kementerian mengikut pre-planned delivery dan mana tempat yang terdapat kekurangan dengan secepat mungkin kita mengarahkan syarikat minyak itu membekalkan baik minyak diesel atau petrol ke tempat atau stesyen-stesyen minyak itu dan apa yang berlaku ialah kadangkala sistem pengedaran terdapat gangguan seperti lori tidak cukup dan sebagainya. Sungguhpun cuma ada satu-dua stesyen kalau ada dia kata tidak ada, barangkali ada perkara seperti itu, tetapi pada amnya kita mesti mengatasi masalah bekalan daripada source dan kalau kita boleh mengatasi perkara itu kekurangan daripada stesyen itu saya rasa bukan satu perkara yang sukar. Sungguhpun begitu, saya rasa pengguna-pengguna sendiripun telah dari semasa ke semasa membuat laporan kepada pegawai Kementerian atau Kementerian supaya kalau boleh membuat siasatan dan kalau laporan itu benar kita akan mengambil tindakan. Ada juga pegawai Kementerian saya bertindak sebagai pengguna seperti menggunakan teksi dan cuba membeli minyak atau diesel daripada stesyen minyak dan kita ada membuat tangkapan seperti itu yang mana stesyen minyak enggan jual diesel, selepas siasatan itu kita telah membuat tangkapan setelah dipastikan minyak di stesyen itu ada. Jadi pegawai Kementerian saya menjalankan tugas ini seperti detective untuk membuat siasatan dan kita mengambil tindakan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, kalau punca itu salah masalahnya kekurangan minyak selalu berlaku dan hari-hari kita menghadapinya

seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Kalau puncanya salah macamlah cerita "Oh! Bangau" dan tidak patutlah saya bercakap berkenaan bangau sebab Yang Berhormat pun tahu. Jadi di sini saya ingin bertanya bolehkah atau tidak untuk mengatasi punca ini oleh kerana N.E.B. dan Keretapi perkara-perkara yang penting kepada kita, seperti Keretapi sebagai transport. Kalau tidak ada transport perjalanan negeri jahanam, begitu juga kalau tidak ada power negeri jahanam. Begitu juga dengan diesel ini, kalau tidak ada diesel kerana dia hendak mengambil untung dan begitu-begini juga menjahanamkan negeri. Jadi bolehkah atau tidak cadangan saya ini diambil iaitu kita haknegerakan macam Keretapi. Mengapa kita sayangkan orang putih ini kerana dia membuat kacau. Sekiranya minyak diesel ini dihaknegerakan mereka tidak untung tetapi kita yang untung, boleh atau tidak dibuat begitu?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, ini ialah satu dasar Kerajaan, tetapi rasa saya masanya belum sampai, barangkali dalam tempoh 3-4 tahun yang mana PETRONAS sudah ada processing plant dan untuk menapiskan minyak mentah di negara kita sendiri, maka tibalah masanya yang mana Kerajaan boleh menimbang sama ada pengedaran atau bekalan petroleum dan barang-barang petroleum menjadi satu public utility yang mustahak yang patut diusahakan oleh Kerajaan.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau sekiranya minyak ini tidak diadakan satu kawalan yang ketat, saya fikir berpanjanganlah perkara ini, tidak putus-putus sampai bila-bila pun. Jadi tidak adakah cadangan Kementerian supaya minyak diesel ini dicatukan (ration), kalau dicatukan ia akan menyelamatkan teksi ataupun orang-orang perseorangan yang pada masa sekarang apabila mereka hendak membeli minyak di stesyen minyak itu dikatakan minyak tidak ada, kalau sekiranya dicatukan maka hak dia tidak akan hilang. Adakah cadangan atau tidak daripada Kementerian, oleh kerana hendak menyelamatkan orang-orang itu daripada kesusahan yang begini berpanjangan, pada hal minyak diesel ini banyak, sementara dia itu melempah-lempah maka dicatukan?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini belum ada cadangan untuk mencatukan tetapi kalau kita meninjau keadaan bekalan minyak mentah saya rasa pengguna-pengguna di Malaysia mesti mengambil tindakan untuk menjimatkan penggunaan bahan-bahan itu dan ada kemungkinan satu masa kita barangkali kena ration semua barang-barang petroleum.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 dan 16 adalah diberi di bawah ini).

BAHASA MALAYSIA— LAFAZ VOKAL “E”

15. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa muncul satu kesukaran besar bagi pelajar-pelajar dan orang-orang yang belajar Bahasa Malaysia, khususnya bukan Melayu, berhubung dengan melafazkan vokal “e”, sama ada ianya patut dilafazkan sebagai “e” taling atau “e” pepet oleh kerana sistem ejaan baru menyangka pembaca itu telah mengetahui bagaimana melafazkannya, tetapi dengan penghapusan “tanda” itu di bawah sistem baru, perkataan-perkataan dengan vokal “e” selalu disalah lafazkan dan sama ada Kementerian akan bekerjasama dengan pihak berkuasa di Indonesia untuk mengkaji perkara ini dan mencari satu penyelesaian yang sesuai.

Dato' Chan Siang Sun: Pihak Kementerian saya telah menyedari adanya sedikit sebanyak kesukaran bagi pelajar-pelajar dan orang-orang ramai yang belajar Bahasa Malaysia, khususnya orang-orang bukan Melayu, iaitu berhubung dengan melafazkan vokal “e”, kerana sistem ejaan Rumi baru tidak membezakan penulisan antara huruf *e* bagi vokal /e/ taling dengan vokal /e/ pepet. Sistem ejaan baru menggunakan huruf *e* yang sama bagi melambangkan kedua-dua bunyi vokal tersebut adalah kerana faktor utama untuk memelihara penulisan huruf yang praktis, iaitu tanpa mengguna tanda diakritik yang tidak perlu seperti “tanda” di atas *e* dalam ejaan lama. Sebenarnya, peraturan keselarasan huruf-huruf vokal atau cara menggunakan pasangan huruf-huruf

dalam sesuatu perkataan menurut sistem ejaan baru telah dengan sendirinya menentukan kedudukan huruf *e* itu sama ada melambangkan vokal /e/ taling atau /e/ pepet, contohnya: *e* dalam *tempoh* ialah vokal /e/ taling dan *e* dalam *tempuh* ialah vokal /e/ pepet, begitu juga *e* dalam *belek*, *belok* dan *boleh* adalah vokal /e/ taling.

Bunyi atau lafaz huruf *e*, pada kes-kes lain, contohnya seperti pada *dewan* (dengan vokal /e/ taling) dan *perang* (dengan sama ada vokal /e/ taling atau /e/ pepet) terpaksa dipelajari melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa yang telah ditetapkan atau dengan merujuk kepada kamus atau panduan-panduan lain yang memuatkan catatan tentang cara penyebutannya. Untuk kemudahan pembelajaran bahasa di peringkat sekolah rendah, sistem ejaan baru mengizinkan para guru menggunakan “tanda” untuk membezakan di antara vokal /e/ taling dengan vokal /e/ pepet; tetapi penggunaan “tanda” tersebut hendaklah dihapuskan sebaik-baik sahaja murid-murid memahaminya. Kementerian Pelajaran Malaysia dan pihak berkenaan di Indonesia melalui Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia cukup memahami masalah ini, dan buat masa ini tidak bercadang hendak mengubah peraturan yang telah dipersetujui, kerana masalah yang dihadapi adalah dianggap masalah sementara yang dapat diatasi dengan mudah melalui kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa yang betul.

BIASISWA KEMENTERIAN PELAJARAN

16. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pemegang Biasiswa Pusat pada tahun 1977 dan 1978 dan jumlah yang dikeluarkan oleh Kerajaan setiap tahun.

Dato' Chan Siang Sun: Bilangan pemegang-pemegang biasiswa Kementerian Pelajaran dalam tahun 1977 dan 1978 dan bilangan biasiswa yang dihadiahkan setiap tahun adalah seperti dalam Lampiran “A”.

LAMPIRAN "A"

**BILANGAN BIASISWA PERGURUAN KEMENTERIAN
PELAJARAN PADA TAHUN-TAHUN 1977, 1978
DAN SEBELUMNYA**

	<i>Bilangan yang ditawarkan Tahun 1975 dan 1976</i>	<i>Bilangan Tawaran baru dalam tahun 1977</i>	<i>Bilangan Tawaran baru dalam tahun 1978</i>
1. Biasiswa Perguruan untuk Kursus Diploma di-universiti-universiti tempatan (termasok Diploma Pendidikan di Universiti Malaya) ..	1,412	855	741
2. Biasiswa Perguruan Persekutuan untuk Ijazah Pertama di Universiti-universiti tempatan ..	958	691	183
3. Biasiswa Perguruan Persekutuan untuk peringkat ijazah di universiti di seberang laut ..	211	194	339
4. Biasiswa di bawah Sekim Latihan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran di Universiti-universiti di seberang laut	Tiada	69	62
JUMLAH BESAR ..	<u>2,581</u>	<u>1,809</u>	<u>1,325</u>

(Soalan No. 17 ditarik balik)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.41 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan satu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta untuk meminda Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dibaca kali yang kedua sekarang.

Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan) No. 10/1956 telah diluluskan oleh Parlimen lebih 20 tahun yang lalu dengan tujuan untuk melarang iklan-iklan yang tertentu berkaitan perkara-perkara perubatan dan juga untuk mengawal penjualan bahan-bahan yang disyorkan sebagai ubat. Sejak kelulusan Ordinan itu beberapa pindaan kepadanya telah dibuat yang memperuntukkan pengawalan tambahan di atas iklan-iklan berkaitan kemahiran perubatan dan juga menambahkan bilangan penyakit-penyakit yang di bawah bidang kawalan Ordinan tersebut.

Pindaan yang terakhir dibuat kepada Ordinan ini adalah pada tahun 1976 yang telah memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengwujudkan Lembaga Iklan Ubat (Medicine Advertisement Board) bertujuan mengawal iklan-iklan berkaitan dengan ubat di penyiaran umum iaitu mass media dan Lembaga ini telah mula bertugas sejak 1hb Julai, 1977.

Dari pengalaman yang diperolehi dalam pada penguatkuasaan Ordinan ini, ianya telah didapati perlu mengadakan beberapa pindaan lagi untuk memperbaiki dan memperkuatkan beberapa seksyen yang tertentu di dalam Ordinan ini bagi membolehkan iklan berkaitan dengan penyakit-penyakit dan perubatan dikawal dengan lebih ketat dan sempurna.

Penjelasan mengenai pindaan-pindaan yang penting dalam Rang Undang-undang ini adalah seperti yang tercatat dalam Huraian muka surat 5 Rang Undang-undang ini. Dengan cadangan pindaan-pindaan yang baru ini dalam Rang Undang-undang ini adalah diharapkan bahawa iklan-iklan yang buruk yang diedarkan hanya untuk mendapatkan keuntungan kewangan yang tidak mempunyai dasar saintifik yang teguh ditegahkan untuk melindungi kesihatan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang ini supaya dapat diluluskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan), 1956 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.44 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan kepada Akta yang dikemukakan Oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang banyak membuat kebajikan kepada rakyat iaitu Timbalan Menteri Kesihatan berhubung dengan untuk meminda Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan).

Saya bagi pihak rakyat berterima kasih kepada Kerajaan bahawa peruntukan yang lalu itu adalah lemah, tidak ada mempunyai kuatkuasa yang betul, boleh mengambil tindakan ke atas sesiapa juga yang menyalahgunakan iklan-iklannya termasuk ubat yang diusahakan oleh mereka. Ini bagi pihak rakyat pada masa yang lalu memang banyak terpedaya dengan iklan-iklan dan juga dakyah-dakyah kosong yang dibuat oleh penjual-penjual ubat. Jadi dengan adanya peruntukan ini saya mengharapkan pihak Kementerian yang berkenaan hendaklah melaksanakan peruntukan ini supaya dapat dinikmati oleh rakyat dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun yang mempunyai rakyat 12 juta dan telah kenal bahawa ubat-ubat yang bercorak moden masih terus hendak diamalkan oleh rakyat dalam negeri ini khasnya penduduk luar bandar. Tetapi sekiranya satu usaha penyelesaian diterima oleh rakyat ini saya yakin pemikiran rakyat pada menggunakan ubat moden ini tidak akan dapat diterima seluruhnya.

Apa yang saya harapkan, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tolong menengokkan bahawa sebilangan besar rakyat dalam negeri ini masih terus juga menggunakan

ubat-ubat cara keaslian daripada akar kayu, daripada minyak dan daripada bahan-bahan binatang yang boleh digunakan untuk sesuatu penyakit. Bahkan kadangkala ubat inilah juga banyak digunakan oleh rakyat walaupun mereka telah pergi ke klinik, gudang ubat Kerajaan tetapi ada kalanya menjadi mujarab kepada mereka bila menggunakan ubat-ubatan tradisional ini.

Apa yang saya mengharapkan kepada Kementerian ini yang telah mewujudkan sebuah Lembaga Iklan Ubat cuba memerhati dan membuat satu siasatan, membuat satu pendaftaran kepada tukang ubat tradisional ini dalam tanahair kita dan didaftarkan mereka ini diberi jasa baik dan khidmat kepada mereka supaya ubatnya ini dapat dinasihat, diproses dan dibuatkan satu iklan yang diiktiraf oleh Lembaga Iklan Ubat ini. Jadi dengan keadaan ini mereka tidaklah takut-takut hendak menjual ubatnya pada masa yang akan datang sebab telah dapat dinasihat oleh Kementerian Kesihatan.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada ini termasuk atau tidak di dalam Lembaga Iklan Ubat ini berhubung dengan patah. Patah ini ghalibnya kalau pergi ke hospital memakan masa yang lama tetapi kebanyakan rakyat dalam negeri ini menggunakan bomoh-bomoh patah di kampung-kampung yang mempunyai kemahiran, mempunyai ubat yang tertentu, sama ada bomoh orang Melayu atau bomoh orang Tionghua. Jadi ubat-ubat yang mereka gunakan ini sangat mujarab kepada pesakit-pesakit patah.

Kepada mereka ini juga saya harap Kementerian tolong tengokkan kalau mereka kekurangan bahan-bahan ubat ini yang boleh terdapat dalam negeri ini, Kementerian ini cuba mencari ikhtiar dan jalan supaya mereka dapat bahan-bahan yang dikehendaki itu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga ini cuba memerhatikan sedikit sebab selalu terjadi dalam negara kita ini banyak penjual-penjual ubat yang berselerak terutama sekali bila mereka menengok ada himpunan orang ramai mereka mengadakan satu syarahan dengan menunjukkan bahawa ubatnya mujarab atas apa juga penyakit bahkan mereka menggunakan iklan-iklan itu dengan gambar-gambar yang lucu.

Dia kata, dia boleh mengubat orang yang sakit perempuan (saya minta maaf), yang saya tahu dia kata sakit perempuan. Dia kata, kalau makan ubat ini, penyakit ini boleh dicegah. Maka dia menunjukkan gambar-gambar yang hodoh kepada orang ramai dan orang ramai terpesona dengan mulanya orang itu terkena penyakit kudis yang begitu besar, makan sahaja ubat dia, puteh, licin, berseri balik semula.

Dengan keadaan yang begini, saya kuatir bahawa penjual ubat ini walaupun mereka mencari rezeki, kiranya mereka hendak meneruskan perusahaan ini, hendaklah mereka mengikuti kursus atau diiktiraf oleh Kementerian ini sekurang-kurangnya ada dalam pengetahuan Lembaga ini. Ubat ini ada berbagai-bagai jenis. Kata Yang Berhormat rakan sejawat saya, orang-orang ini juga ada menjual ubat keras, saya tidak tahu keras macam mana. Jadi masalah ini juga kalau mereka gunakan ubat ini akan merosakkan kesihatan orang yang memakan itu, kita kuatir akan merugikan manusia yang menggunakan ubat kuat ini. Ini patut diperhatikan. Semua orang hendak jadi kuat tetapi bila makan dua tiga tahun sudah tidak kuat lagi. Masalah ini patut juga diperhatikan oleh Kementerian dan ubat inilah yang paling laris dijual. Masalah ini patut Kementerian mengambil perhatian. Biasanya ubat-ubat seperti ini didatangkan dari negeri jiran kita dengan harga yang murah, dia kata ubat ini ramuannya cukup. Ini termasuklah majun.

Saya membuat satu gambaran yang begini, sebab ada seorang bumiputra di Muar, Johor telah mengeluarkan satu ubat majun petani. Dari majun petani, dia boleh buat berbagai-bagai lagi, minyak petani, pil petani, bukan "Patani" tetapi "petani". Jadi sangat laris digunakan oleh petani-petani dan peladang-peladang kita. Usaha yang seumpama ini bukan sahaja Kerajaan patut perhatikan, patut Kerajaan memberi bantuan dan pertolongan kepada mereka, sebab bila perusahaan ini maju, tentulah menghendakkan pertolongan-pertolongan yang lebih jauh yang lebih memberi menafaat kepada perusahaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan yang berhubung dengan penjual ubat di tepi jalan ini, mungkin juga Kementerian ini memberikan lesen kepada mereka, saya kurang arif tentang hal ini, lesen yang diberi ini jangan dibenarkan mereka ini menjual

ubatnya pada satu tempat itu dua tiga penjual ubat dan kalau boleh diasing-asingkan, sebab masalah ini boleh menjadikan satu perkelahian di antara penjual ubat dengan penjual ubat sendiri. Masalah ini juga mendapat perhatian rakyat kiranya dapat Kementerian ini memberikan pandangan supaya tidak membanyakkan penjual-penjual ubat di tepi jalanraya atau di bandar-bandar dengan begitu berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi dalam bahagian penjual ubat ini, kita dapati bahawa penjual ubat ini dibuat di kelinik-klinik dan gudang ubat private. Kadang kala gudang-gudang ini tidak mempunyai doktor, mereka hanya menggunakan hospital assistant sahaja. Kepada mereka yang mahir di dalam masalah ubat selalu menjualkan ubat ini kepada orang ramai. Pada saya hal ini juga patut dikawal dan dijaga oleh Kementerian Kesihatan ini kiranya gudang-gudang ubat ini hendak mengedarkan ubat atau hendak menjual ubatnya kepada orang ramai, hendaklah perakuan itu telah dibuat oleh seorang doktor sama ada doktor Kerajaan atau doktor private. Dengan keadaan begini bahawa ubat yang digunakan oleh orang itu akan dapat jaminan dan akan mujarab kepada penyakit yang dihidapinya itu.

Satu perkara yang akhir dalam masalah ubat-ubat yang diedarkan oleh Kerajaan kepada rakyat, ada juga ubat-ubat ini yang mendatangkan mudarat kepada rakyat, dahulu pernah dikatakan ubat penicillin, injection penicillin. Ini saya tidak faham kerana saya bukan doktor tetapi bila orang ramai yang hendak sangat ubat ini, dia pula menentukan kepada doktor; doktor, tolong berikan saya satu injection penicillin. Doktor yang terharu dengan permintaannya, dia memberikan rawatan injection dengan ubat yang tertentu. Ada banyak orang yang maut berpunca daripada ubat ini. Masalah ini juga patut bagi ubat-ubat yang beracun, ubat yang mendatangkan bahaya kepada pesakit itu patut diawasi dan dinasihatkan kepada pesakit supaya keadaan mati yang berpunca daripada ini tidak akan berlaku.

Selain daripada itu pil-pil perancang keluarga patut juga Kerajaan mengkaji semula pil-pil yang diedarkan kepada rakyat dalam negeri ini, sebab ada setengah-setengah pil itu tidak sesuai dengan iklim tanahair kita. Pil ini patut digunakan di

negeri-negeri barat atau Amerika, sebab manusia di sana keadaan hidupnya lain, kesihatannya lain. Pil-pil perancang keluarga yang diberi kepada manusia dalam Malaysia yang 12 juta yang saya katakan tadi pernah ibu-ibu itu menerima akibatnya sama ada terus tidak beranak lagi ataupun mendatangkan penyakit kepada diri dia atau bila mereka mengandung, anaknya cacat, kata mereka berpunca daripada pil yang diberi oleh Jabatan Kesihatan ini. Jadi dengan ini, saya memberi sokongan atas Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin.

3.59 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kali ketiga yang mana Ordinan Ubat, Iklan dan Penjualan tahun 1966 dipinda. Pindaan yang terdahulu telah dibawa pada tahun 1971 dan juga pada tahun 1976. Dan bagi saya apa juga pindaan yang hendak dikemukakan dan untuk menjadi kebaikan rakyat, saya memanglah menyokong. Namun demikian, ada beberapa perkara di dalam undang-undang ini yang saya suka sentuh dan saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya lihat pindaan dibuat kepada Seksyen 3 Ordinan yang lama dengan menghapuskan perenggan (a) Seksyen-kecil (1) dengan perkataan baru iaitu dalam bahasa Inggerisnya, "prevention or treatment of the diseases and conditions of human beings as specified in the Schedule".

Dulunya, Tuan Yang di-Pertua, penyakit-penyakit yang dimaksudkan ini tidak disenaraikan di dalam Jadual. Tetapi nampaknya sekarang ini penyakit-penyakit yang dimaksudkan di sini telahpun disenaraikan di dalam jadual dan saya lihat Jadual yang baru ini tidak banyak bezanya dengan apa yang terkandung di dalam Seksyen (3) (1) (a) yang lama yang mana sekarang ini telahpun dipinda.

Saya suka bertanya beberapa perkara di dalam peruntukan yang baru ini, untuk mendapat penjelasan. Kalau dapat saya baca

dengan cepatnya jenis-jenis penyakit yang dimaksudkan di sini, nampaknya semua dalam bahasa Inggeris:

1. Diseases or defects of the kidney.
2. Diseases or defects of the heart.
3. Diabetes.
4. Epilepsy or fits.
5. Paralysis.
6. Tuberculosis.
7. Asthma (Lelah).
8. Leprosy (Kusta).
9. Cancer.
10. Deafness (Pekak).
11. Drug addiction.

Ini ada perbezaan sedikit dengan peruntukan yang lama yang mana ada disebutkan "dangerous drug addiction".

Di sini nampaknya dipotong perkataan "dangerous" dan digantikan dengan "drug addiction" sahaja. Di sini saya mohon bertanya sedikit kerana kalau kita baca Seksyen (3) ini kita tidak boleh tidak lari daripada takrif "advertisement" yang mana telahpun ditetapkan di bawah seksyen 2 Undang-undang ini iaitu:

"advertisement includes any notice, circular, pamphlet, label, wrapper or other document, and any announcement made orally or by any means producing or transmitting light or sound;"

Jadi saya takut, Tuan Yang di-Pertua, kalau advertisement di sini bermakna yang kita tidak boleh membuat satu iklan mengenai pencegahan terhadap drug addiction maka ada kaitannya dengan mereka yang tujuannya ikhlas, yang mana kalau tidak salah saya ada badan-badan sukarela yang mengiklankan tidak secara iklan semestinya tetapi secara berita yang mana mereka hendak membantu orang-orang yang ketagih dadah dan sebagainya. Jikalau di situ tidak boleh dibuat kerana terikat di dalam Jadual tadi maka sudah bermakna ini bukan maksud kita. Kalau tidak salah saya, saya pun tidak ingat apa nama tempat itu, barangkali sahabat saya daripada Pulau Pinang boleh membantu saya; ada sebuah rumah ataupun pusat yang mana dianjurkan oleh PERKIM bertujuan untuk membantu orang-orang yang ketagih dadah.

Kalau dimaksudkan apa juga iklan secara rasmi atau tidak rasmi yang dibuat untuk membantu mereka yang ketagih dadah ini supaya datang untuk berubat dan mendapat rawatan dan sebagainya, ini juga ditegah ataupun dicegah di bawah Jadual ini. Saya rasa ini tidak dimaksudkan.

Tetapi, kalau kita baca Seksyen 3 yang mana pindaan dibuat, dia mengatakan Seksyen 3 (1):

“Subject to the provisions of this Ordinance, no person shall take any part in the publication of any advertisement referring to any article, or articles of any description, in terms which are calculated to lead to the use of that article or articles of that description as a medicine for the purpose of —”. Inilah yang dipinda sekarang di bawah peruntukan baru (a):

Section 3 (a) “prevention or treatment of the diseases and conditions of human beings as specified in the Schedule;”.

Ini saya baca tadi. Di bawah Schedule ini tadi ada disebutkan “Drug addiction”. Diganti kepada yang dulu yang mana disebutkan “Dangerous drug addiction”. Jadi di dalam perkara inilah saya minta perhatian supaya janganlah mereka yang mempunyai cita-cita baik untuk membantu orang-orang yang ketagih dadah ini bukan secara perubatan tetapi secara menenangkan jiwa mereka, mereka ini boleh didakwa di bawah undang-undang ini. Saya juga nampak, ada peruntukan baru di sini yang mana tindakan mahkamah ataupun prosecution tidak akan dilakukan tanpa persetujuan bertulis oleh Public Prosecutor. Kalau ditaksirkan berlaku sedemikian saya percaya Public Prosecutor kita tidaklah akan membiarkan perkara ini berjalan dengan begitu sahaja tanpa memerhati tujuan yang baik oleh mereka yang menganjurkan rumah-rumah seperti yang saya katakan tadi.

Selain daripada itu di bawah Jadual tadi tidak ada perkara-perkara lain yang baru saya nampak di bawah:

12. “Hernia or rupture.
13. Diseases of the eye (sakit mata).
14. Hypertension.
15. Mental disorder.
16. Infertility.
17. Frigidity.
18. Impairment of the sexual function or impotency.”

Saya lihat, kalau dibubuh di bawah Jadual ini berkenaan dengan deafness (pekak) kenapa pula kita tidak bubuh kalau fasal botak! Kita lihat di dalam suratkhbar-suratkhbar ada iklan-iklan yang mana orang-orang yang tertentu boleh mengatakan dia boleh mengubat orang-orang yang botak yang tidak ada rambut, dia boleh ambil rambut daripada tempat-tempat lain sama ada daripada dagu ataupun peha ditaruh di atas kepala. Saya rasa iklan sedemikian pun patut dikawal tidak boleh kita biarkan. Tetapi kalau kita lihat di dalam akhbar-akhbar kita, akhbar-akhbar nasional kita sekalipun ada iklan sedemikian. Dan saya rasa patut sangat iklan sedemikian dimasukkan sama di bawah Jadual ini.

Saya lihat juga, pindaan baru ini di bawah Fasal (3) telah menghapuskan Seksyen (3) (1) (b) yang lama yang berbunyi antara lain “practising contraception among human beings”. Ini mungkin saya tidak tahulah apa sebabnya kita hapuskan peruntukan (b) ini. Mungkin oleh kerana kita hendak mengawal pertumbuhan penduduk, maka kita benarkan advertisement di dalam masalah ini. Saya tidak tahulah apa alasannya Seksyen (3) (1) (b) yang dahulu itu sekarang ini dihapuskan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan sedikit dalam masalah ini.

Satu perkara lagi di bawah Seksyen (3) yang baru ini ialah satu pindaan baru iaitu tambahan paragraph baru (c) yang berbunyi:

“(c) Improving the condition or functioning of the human kidney or heart, or improving the sexual function or sexual performance of human beings;”

Di sinilah seperti yang disebutkan oleh sahabat saya tadi Datuk Haji Ahmad Arshad yang mana kita juga lihat sekarang ini sungguhpun undang-undang itu telahpun dilaksanakan semenjak tahun 1971/1976; pindaan dibuat pada masa yang lampau, kita masih lihat lagi iklan-iklan yang dibuat di dalam suratkhbar berkenaan dengan ubat-ubat yang boleh membantu mereka yang mempunyai penyakit yang dimaksudkan di sini seperti kalau tidak salah saya, kalau kita lihat sebahagian daripada iklan berkenaan dengan jamu, ginseng; itu semua terlibat di dalam perkara ini. Jadi bagi mereka yang mengendalikan perniagaan ini saya rasa terpaksa mereka berhati-hati

kalau hendak jual sekalipun tidak semestinya melalui iklan di dalam suratkhbar kerana takrif iklan di sini seperti saya sebutkan tadi sangatlah luas, tidak semestinya dibuat melalui akhbar sahaja. Kerana advertisement katanya termasuk apa-apa notis, apa-apa circular, pamphlet, label, bungkusan ataupun apa-apa juga kertas termasuklah orang yang rasa saya mengiklankan di kaki lima dengan menunjukkan barang-barang mujarab mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga lihat peruntukan baharu telah dibuat dalam Undang-undang ini memberi kuasa kepada pegawai awam apa yang digelar ahli-ahli farmasi berdaftar dalam perkhidmatan awam dilantik menjadi authorised officer. Ini sudah tentulah munasabah kerana kalau kita hendak menguatkuasakan undang-undang ini kita perlu mengadakan pegawai-pegawai tertentu. Tetapi dalam masalah pendakwaan ini, dalam masalah penyiasatan, Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi sedikit pandangan supaya mereka ini berhati-hati, kerana kuasa-kuasa yang diberikan kepada mereka ini tidak adalah banyak bezanya dengan kuasa-kuasa yang kita beri kepada pegawai polis untuk menyiasat. Jadi, dalam masa menyiasat ini mestilah kita berhati-hati. Maksudnya orang yang hendak dilantik sebagai authorised officer ini mestilah diberi kursus tertentu supaya tidak menjalankan tugas-tugasnya dengan sewenang-wenang sahaja. Seperti juga kita memberikan kursus kepada pegawai polis kita sebagai pegawai menyiasat. Begitu juga kepada authorised officer yang berkuasa hendak menyiasat kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang ini mestilah juga mereka diberi kursus supaya pentadbiran mereka itu berjalan dengan licin supaya tidak ada orang yang teraniaya kerana kalau kita lihat di bawah Fasal 6 (c) (4) umpamanya ada disebutkan:

“An authorised officer examining a person under sub-section (1) shall first inform that person of the provisions of sub-Sections (2) and (3).”

Ini kerana selalu sangat bila pegawai-pegawai awam diberi kuasa menyiasat mereka itu tidaklah terlatih dalam perkara ini dan bila masalah penyiasatan berlaku, rasa saya perlulah kita berhati-hati, kerana kalau kita banding dengan pihak polis memanglah polis telah diberi kursus yang

khas untuk menyiasat tetapi bagi pegawai-pegawai Kerajaan sedemikian mungkin mereka tidak pakar dalam hal ini, kerana mereka sebenarnya seorang professional, seorang pharmacist dan bukan tugas biasa mereka untuk menyiasat. Oleh yang demikian, patutlah sangat mereka itu diberi pengetahuan yang mendalam dari segi bagaimana hendak mentadbirkan undang-undang ini hendak menyiasat supaya tidak ada orang-orang yang tidak bersalah teraniaya.

Itulah sahaja pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah.

4.05 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Kementerian ini dan menyokong Akta untuk meminda Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya harapkan ubat-ubat yang hendak diberikan oleh Rumah Sakit itu kepada pesakit-pesakit biarlah dapat disamakan dengan apa yang dijual di klinik-klinik persendirian supaya pesakit-pesakit mendapat segera berkesan. Maklumlah pesakit-pesakit yang pergi ke hospital itu adalah masyarakat di luar bandar dan tidak mampu mengeluarkan wang yang banyak, untuk pergi ke klinik kerana mahal untuk mendapat segera rawatan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menambah sedikit dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat saudara saya Senator Kamarul Ariffin tadi membahaskan jenis-jenis penyakit dengan ubat-ubat yang disediakan ini tetapi apa yang saya hendak menyuarakan kalau boleh hendaklah Kementerian yang berkenaan memikirkan juga dengan menyediakan ubat-ubat untuk wanita bersalin di dalam masa beberapa hari mereka berada di Rumah Sakit itu. Dan dengan menyediakan pula jururawat-jururawat wanita yang pakar di dalam bahagian bersalin dan pintar dalam rawatan wanita-wanita yang bersalin ini seperti yang kita dapati kepintaran yang ada pada bidan-bidan kampung di masa-masa yang lampau. Kerana dalam masalah ini, banyak yang dapat saya ikuti masalah yang

penting untuk menghadapi berbagai jenis wanita hari ini dengan keadaan wanita-wanita yang pergi bersalin di Rumah-rumah Sakit, terdapat bidan-bidan dan ubat-ubat yang diberi kepada wanita-wanita itu adalah amat dipandang mudah sangat. Jadi, dalam perkara ini juga kalau dapat ditambah di dalam Ordinan Seksyen 7 Jadual baharu yang berikut ini untuk menyediakan ubat-ubat yang paling baik kepada wanita-wanita yang bersalin selama beberapa hari di Rumah Sakit itu.

Yang akhir sekali, saya amat tertarik berkenaan dengan tindakan yang akan diambil kepada penjual-penjual ubat yang berleluasa dengan menggunakan iklan-iklan dan ubat-ubatnya, kadangkala kita dapati iklan lain daripada ubat yang mereka jual itu. Kalau dapatlah kita mengambil perhatian biar pun daripada ubat yang dikeluarkan daripada pihak Kementerian khususnya dari Rumah Sakit dan juga ubat-ubat yang dikeluarkan daripada klinik-klinik doktor-doktor yang bertanggungjawab dan yang berijazah.

Jadi, hanya sekian yang saya ingin membuat teguran dan penambahan, kerana saya fikir perkara yang penting sudah dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Ibrahim.

4.17 *ptg.*

Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan saya suka memberi pandangan saya pada Bil ini dan apa yang berlaku di negara kita pada masa ini.

Yang pertama sekali saya sangat hairan di negara kita ini telah terlampau banyak kedai-kedai sengseh, kedai-kedai ubat, klinik-klinik dan bertambah pula orang-orang yang menjual ubat itu dan ini di kaki lima dan mana-mana sahaja saya pergi tetapi penyakit bertambah banyak. Kalau saya pergi melawat ke hospital-hospital, saya dapati orang berduyun-duyun datang minta ubat di beberapa buah hospital di negara kita ini, sampai tidak cukup tempat sebagaimana yang disebutkan oleh Senator-senator dari Pulau Pinang dan Melaka baharu-baharu ini. Adakah kedai-kedai ubat yang banyak ini mendapat lesen dari Kerajaan semuanya? Saya tidak tahu, dan adakah pernah dilawati oleh

doktor-doktor yang bertanggungjawab, kita pun tidak dapat tahu. Saya suka mendapat penerangan dari Kementerian yang berkenaan sesudah dibahaskan Bil ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu di mana-mana kampung saya pergi di Malaysia ini ada pula bomoh-bomoh yang boleh mengubati penyakit itu dan ini, inipun saya suka mendapat tahu dari Kementerian sama ada bomoh-bomoh ini ada mendapat lesen dari Kementerian ataupun sekurang-kurangnya surat kebenaran dari Kementerian. Saya takut ada bomoh-bomoh yang semata-mata mencari nafkahnya hidup menjadi bomoh tetapi merosakkan orang, kerana mereka ada menyimpan tengkorak orang mati, menyimpan jin seperti hantu raya dan sebagainya. Jadi bomoh yang merbahaya ini patut diawasi oleh Kerajaan. Saya hairan mengapa orang-orang kampung khasnya orang-orang Melayu percayakan kepada bomoh-bomoh itu walhal salah mengikut ajaran Islam. Bomoh-bomoh macam ini kita boleh dapat tahu dari ketua-ketua kampung dan juga daripada penghulu-penghulu. Ada bomoh bomoh yang semata-mata menolong orang, ini bagus. Kalau ada orang sakit datang minta ubat kepadanya diberikan ubat sehingga baik tetapi tidak mengambil saguhati satu sen pun, bomoh-bomoh macam ini patut digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya suka bercakap iaitu berkenaan dengan Persatuan Bomoh yang dianjurkan oleh Pak Radin Supartan. Ini patut Kerajaan beri sokongan sebab saya dapati beberapa bomoh yang boleh mengubati anak-anak muda kita yang telah menghisap dadah boleh baik termasuk anak saudara saya dan banyak rekod-rekod ada pada Pak Radin yang anak-anak muda ini telah sembuh dan persatuan ini bekerjasama rapat dengan PEMADAM yang mana PEMADAM ini belum lagi diiktiraf oleh Kerajaan kita. Maka saya rayukan hal ini tolonglah iktiraf Persatuan PEMADAM ini supaya persatuan ini dapat berjalan lebih giat dan dapat ditubuhkan di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mendapat tahu daripada Kementerian Kesihatan tiap-tiap kali iklan dan suratkhbar-suratkhbar keluar berkenaan ubat itu dan ini

adakah mendapat kelulusan dari Kementerian terlebih dahulu sebab kita tengok hari-hari ada iklan berkenaan dengan ubat-ubat ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong penuh seksyen 6, iaitu semuanya tetapi ada sedikit yang saya minta penjelasan daripada Menteri yang berkenaan itu tentang seksyen 6B, dengan izin, berbunyi:

“6B. An authorised officers may investigate the commission of any offences under this Ordinance or any regulation made thereunder.”

Siapa dia authorised officer itu, doktorkah atau civil servant? Kalau doktor saya sokong kerana doktor tahu nama bermacam-macam ubat tetapi kalau civil servant saya takut perkara itu tak betul dan termasuk takut rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya pada Bil ini dan saya menyokong kuat untuk diluluskan.

4.22 ptg.

Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang bercakap sepatah dua kata berkenaan suatu Akta untuk meminda Ordinan Ubat, 1956.

Tuan Yang di-Pertua sendiri akan ber-setuju bahawa medicines have their uses and abuses too. Oleh itu kita menghadapi masalah memilih dadah baru dan cuba meramalkan sama ada dadah itu akan berjaya seperti yang didakwa atau sebaliknya. Itulah sebabnya kita berkehendakkan pindaan untuk mengawal dan perlindungan.

Di sini biarlah saya menambah sedikit, iaitu Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap campur dalam bahasa Inggeris oleh sebab perkara ini amat medi-technique.

(*Dengan izin*) The need for methods of precisely controlling the release of drugs into the body has led to the concept of “Advanced Drugs Delivery System” or “ADDS”. Drugs are now regarded as therapeutic systems in which the same importance is ascribed to the dosage form as to the active substance. In short, “ADDS” means what the drugs do to the body and what the body does to the drugs and the psychological reaction of the patients to the drugs for, as Tuan Yang di-Pertua knows, all new drugs make promises. Tuan Yang di-Pertua, di sini j engetahuan, latihan

dan pengalaman memainkan peranan utama, tidak dapat digantikan dengan yang lain. Tambahan lagi, pharmaceutical chemists are very concerned with the dignity and the integrity of the body and are closely working towards a rational drug therapy and some control. Now that many drugs have made their appearance and claims in the market and the patients are demanding instant cure, so many questions are being asked and some are often left unanswered in the minds of the doctors. Therefore, it is better to stick to those whose effectiveness is reasonably certain at the expense of being sometimes out of fashion.

Tuan Yang di-Pertua, we admit risks cannot always be avoided but with due care can often be reduced; and to reduce unavoidable risk to a minimum is an obvious part of man’s striving for safety. This means giving preference to those drugs which years of testing and use have shown to be effective which permit possible risks to be carefully balanced against the expected therapeutic gains.

Tuan Yang di-Pertua, there is another way this could be improved and I am happy to note the University Hospital has recently launched a somewhat similar system as a research project called “the Adverse Drug Reaction” or what we call it “ADR” monitoring project and it is linked to the W.H.O.

Tuan Yang di-Pertua, there is no denying that drugs are an all-important therapeutic problem and undoubtedly account for some serious illnesses, hospital admissions and even death. Therefore, I feel that the ADR, i.e. the Adverse Drug Reaction should be made mandatory in the interests of the public and the patients alike. This reporting system will help to monitor adverse drug reactions in hospitals and private practices and through a system of feed-back promote safety in drug therapy. Furthermore, the publication of reported findings in the medical journals and in the *Berita Farmasi* or by the Medical Advisory Board, as mentioned by the Timbalan Menteri Kesihatan, will encourage notification and help the local doctors. However, in the final analysis, Tuan Yang di-Pertua, doctors must be motivated, better informed and feel sufficiently committed to the idea of contributing towards the safer use of drugs and better patient-doctor relationship.

Tuan Yang di-Pertua, we are aware that over 80% of patients seen by doctors are prescribed drugs and over 90% of drugs prescribed these days were non-existent 40 years ago and this rapid development has left many busy doctors either unaware of or unprepared for this drug explosion. Moreover, many find it increasingly difficult to keep pace with the recent advances in drug therapy and with the growing developments in medicine.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa setiap doktor menggunakan dadah, bukan sekali, dua kali, tetapi boleh dikatakan sepanjang masa atau sehingga pesakitnya tidak dapat lagi. Oleh itu ingatlah tidak ada doktor yang akan menjalankan tugas tanpa dadah, but the prescribing of drugs should reflect the physician's approach to the therapeutic problems. They should be safe, specific and free from side effects and effective; more than that, it should be a reflection of the compassionate, scholarly and meticulous approach to the cure of the sick patients. Be that as it may, Tuan Yang di-Pertua, the cherished freedom of the qualified doctor to prescribe what he thinks best for his patients should be generally observed by law-makers at all times.

Akhirnya, saya harap perkara-perkara yang saya bangkitkan dalam ucapan ini akan diambil perhatian yang sewajarnya.

4.29 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana ini adalah untuk menjaga keselamatan kesihatan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, ubat yang diiklankan itu supaya banyak orang ramai membeli, kemudian keuntungan kepada orang yang membuatnya. Inilah iklan-iklan supaya banyak orang membeli. Kalau di hospital tentu sekali tak ada iklan mengatakan hospital itu baik—tak ada, tetapi kalau ubat mestilah dipamirkan, diiklankan sebagainya. Dengan sebab itu Kerajaan mestilah menengokkan betul-betul kerana ubat ini cukup banyak yang diiklankan dipropagandakan, cuma saya nampak apa isi ubat itu? Adakah iodine ada dalam itu, berapa persen—itu sahaja, tak ada disiasat benar-benar. Satu-satu ubat itu disiasat oleh satu tempat, Chemistry Departmentkah, di mana di situ disiasat benar-benar—tak ada, cuma ada

satu kertas sedikit di dalam bungkusan ubat itu, dari situ kita tengoklah, perkataannya pun sedikit sahaja entah apa-apa yang ditulis pun boleh. Jadi kalau ini sahaja cuma buat undang-undang sahajalah, buat undang-undang, kemudian diletakkan isi (the contents) ubat itu. Saya ingat ini kita boleh buat. Kalau hendak betul-betul dibuat supaya undang-undang itu berjalan benar-benar; kalau tidak, tidak ada apa gunanya. Yang selama ini berjalan begitulah tidak ada apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua tahu atau tidak ubat nyamuk. Kita tahu di negeri yang maju misalnya di Amerika dan di Jepun ubat penyembur DDT itu tidak boleh dipakai langsung. Apa sebabnya tidak boleh dipakai? Sebab barang itu ialah origin of cancer. Jadi di negeri-negeri maju seperti di Amerika ataupun di negeri Jepun tidak boleh dipakai lagi tetapi di Malaysia DDT dipakai juga lagi. Itu sebabnya mesti disiasat benar-benar.

Contohnya ubat penyembur nyamuk itu sahaja. Kalau ubat penyembur nyamuk itu disembur masuk ke hidung bagaimana? Rasa hendak mati. Kemudian ubat nyamuk yang dibakar dalam rumah itu pula penuh dengan asapnya. Yang penuh dengan asap itupun kalau rumah itu berasap, ditutup pintu berasap dalam rumah itu supaya nyamuk itu lari, bukan mematikan nyamuk tidak, melarikan nyamuk itu sahaja. Kalau itu disebut tiap-tiap malam memendekkan nyawa manusia. Ini yang dikatakan smoke dan sebagainya. Ini juga mesti disiasat apa yang ada di dalam mosquito coils itu tadi.

Sekarang di negeri Jepun dibuatnya 'bait' dan tidak lagi menggunakan mosquito coils. Di Jepun menggunakan electricity yang tidak ada mengeluarkan asap lagi. Tetapi di negeri kita seluas-luas dan sewenang-wenangnya digunakan oleh kerana boleh jadi kita tidak mempunyai pakar-pakar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga berkenaan dengan minuman. Bukan sahaja ubat-ubat tetapi minuman juga. Kita tahu minuman, macam coca cola. Apa yang ada dalam coca cola ini mesti disiasat. Tiap-tiap doktor menggunakan drugs untuk menyembuhkan penyakit. Ada sahaja drugs digunakan dalam ubat itu. Boleh jadi kita mesti siasat iaitu di dalam coca cola ini apa yang ada sebab kita ketagih meminum coca cola ini. Kalau sudah minum coca cola ini nanti apa penyakit yang dihadapi. Rakyat Amerika

misalnya, apa penyakit yang banyak dihadapi oleh rakyat Amerika. Ini juga yang mesti kita siasat coca cola ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan iklan-iklan yang lain, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain juga saya menyokong iaitu berkenaan dengan kecantikan (beauty). Perempuan-perempuan memang suka cantik. Dengan lipstiknya, ubat jerawat, ubat itu, ubat ini dan sebagainya, ubat jerawat ini juga mesti disiasat kadang-kadang lebih lagi menggerutunya mukanya menjadi lebih dahsyat lagi. Kadang-kadang berjenis-jenis celak yang disapukan di bahagian mata pun ada. Oleh kerana hendak cantik sangat misalnya entah apa-apa warna celak, disapukan di mata itu. Itu yang boleh menjadikan rabun. Saya bukan doktor, Tuan Yang di-Pertua, tetapi penyakit-penyakit ini mesti disiasat. Orang-orang yang menjual ini, lumpur daripada tanah itupun dibuatnya powder dan dijualnya dikatakan ini baik, orang-orang pun membeli juga. Itu sebabnya bukan sahaja saya katakan iaitu ubat susuk emas, tetapi juga kecantikan ini juga mesti disiasat oleh kerana ini adalah mendatangkan penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan ma'ajun. Ini yang dikatakan memperbaiki fungsi atau daya seks manusia, ada di dalam undang-undang ini. Ini banyak sangat dan terlalu banyak ia dijual. Dari Indonesia, Ma'ajun Serbaguna dan sebagainya. Entah apa di dalamnya tulis sahaja. Yang Berhormat Menteri ada pakai atau tidak, saya pun tidak tahu, tetapi kalau tidak ada esok saya boleh berilah. Dari Indonesia banyak betul datangnya, itu sebabnya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin pun bercakap mengenai dengan perkara ini juga. Ini boleh jadi mengandungi di dalamnya, saya pun tidak tahu sebab menyegarkan tubuh manusia dan menguatkan—kononnya. Ini juga memperbaiki fungsi seks ataupun daya manusia ini tadi dan ini juga mesti ditengokkan betul-betul, kerana apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin tadi inilah yang menggalakkan kaya miskin sebab kaya miskin ini tarikan yang banyak. Sebab itulah ini dibuat kerana kehendak manusia itu maka perkara ini dibuat dan dijual di merata-rata tempat. Bukan itu sahaja yang mesti ditengokkan sebab esok hendak buat undang-undang lagi sebab ini hendak memperbaiki bukan sahaja ubat tetapi juga urut ini juga.

Rumah-rumah urut sangat banyak. Ini satu daripada ubat juga sebab ini menyegarkan manusia. Sangat banyak tumbuh rumah-rumah urut, lesen bertimbun-timbun—Rumah Urut, bukannya pandai mengurus, itu yang dikatakan tadi memperbaiki fungsi seks tetapi langsung menjahanamkan. Kalau tidak baik urutnya, Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu kalau tidak pandai mengurus jahanam kita. Ini sudah bertimbun-timbun, sangat banyak di dalam pekan ini dan ini patut pihak Kementerian Kesihatan menengokkan perkara ini, Sesudah itu pihak Kementerian Kesihatan juga mesti menengokkan juga iaitu bukan sahaja urut tetapi apa yang dikatakan masuk dalam wap panas, duduk di situ beberapa minit, berpeluh-peluh kemudian keluar, itu juga menyakitkan badan, tetapi orang kata kuat dan sebagainya, peluh keluar, kadang-kadang orang yang keluar daripada situ apa sebabnya mati. Peluhnya terlampau banyak keluar ada diseases dan sebagainya, dia keluar langsung mati. Jadi, ini juga mesti disiasat boleh atau tidak sebab seorang doktor mesti ada di sana, tidak orang-orang biasa sahaja yang ada di sana dengan tidak ada doktor, ini merbahaya kepada manusia terutama sekali.

Kalau kita kata mengapa Thailand boleh, Indonesia boleh, itu lain. Janganlah berkata Indonesia dan Thailand. Kita menjaga kesihatan rakyat kita. Ini mesti dijaga.

Selain daripada itu berkenaan dengan diseases or defects of the heart. Ini juga apa yang saya katakan tadi berkenaan dengan ubat-ubat bau-bauan. Ini juga mesti dijaga dan saya harap pada hari akan datang oleh kerana kita hendak membuat undang-undang ini maka persiapan juga mesti ada. Apa persiapan-persiapan yang saya katakan itu mestilah ada satu laboratory di mana ubat-ubat ini apabila masuk ke dalam negeri ini kita hendak jualkan, apabila diserahkan kepada Kementerian misalnya, ubat ini betul-betul ditest di laboratory di mana dikaji betul-betul isi (contents) ubat itu.

Sekian, saya sokong Rang Undang-undang ini.

4.40 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua—saya suka hendak menyatakan sokongan saya terhadap Bill ini dan di samping itu suka saya hendak menarik perhatian kepada Bill ini sendiri yang

mana pindaan ini dibuat kepada undang-undang sahihnya dalam bahasa Inggeris. Jadi pindaan yang dikemukakan ini dikemukakan dengan dua naskah, naskah pertama dalam bahasa Inggeris dan yang asal dan pindaan ini dibuat dalam Bahasa Malaysia.

Cuma saya hendak menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, eloklah kalau di masa akan datang, walaupun naskah asal yang dikenal sah dalam perundangan dalam bahasa Inggeris, tetapi bila dikemukakan dalam Dewan ini seboleh-bolehnya ayat yang dipinda dalam bahasa Inggeris itupun diadakan sama terjemahannya dalam Bahasa Kebangsaan sebagai menghormati Bahasa Kebangsaan. Sebab kita tahu kalau undang-undang yang baru dibuat itu, memanglah dideraf dan dibawa ke dalam Dewan ini dalam Bahasa Kebangsaan tetapi oleh kerana undang-undang asal dahulu berada dalam bahasa Inggeris, maka terpaksa undang-undang ini dipinda kepada undang-undang asal dalam bahasa Inggeris itu. Tetapi maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh pada masa akan datang pindaan yang dikemukakan itu sepatutnya diterjemahkan (translate) sama ke dalam Bahasa Kebangsaan sebagai menghormati Bahasa Kebangsaan. Itu satu masalah.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh dalam pindaan yang dikemukakan ini. Pertamanya, kita mengetahui bahawa cara perubatan kita sekarang ini agak berbeza dengan cara perubatan homoeopathy dan sebagaimana yang kita sama-sama mengetahui bahawa perubatan kita sekarang ini tidak boleh dikecualikan daripada unsur-unsur dadah, sedangkan dadah sudah diakui merbahaya kalau disalahgunakan.

Tetapi soalnya, Tuan Yang di-Pertua, prinsip dadah itu sendiri perlu kita kaji. Tidak adakah ubat yang boleh menggantikan penggunaan dadah dalam setengah jenis penyakit. Kalau bagi penyakit yang tidak ada jalan keluar melainkan kena menggunakan dadah semata-mata itu bolehlah dimaafkan, boleh digunakan baik dari segi ugama ataupun dari segi perubatan, tetapi kalau ada cara lain selain daripada menggunakan dadah boleh misalnya menyembuhkan tidakkah pernah dikaji masalah ini?

Sebab saya kuarir dan bimbang, Tuan Yang di-Pertua, bila kita nampak senang menggunakan dadah untuk mengatasi penyakit, maka terus kita menggunakan dadah tanpa kita mengkaji jenis-jenis ubat yang lain daripada dadah.

Saya bimbang, saya katakan, bila tersalah sahaja, mungkin tersalah ramuan, mungkin tersalah dari segi kuantiti campurannya ataupun mungkin tersalah kerana tak sesuai dengan keadaan masa dan sebagainya akan melibatkan pesakit itu, menimbulkan reaksi yang lain yang boleh membahayakan sama ada mental pesakit itu ataupun fizikalnya yang lain akibat daripada penggunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.43 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.04 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

5.04 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, menyambung percakapan saya tadi, saya sukalah menarik perhatian pihak Kementerian Kesihatan supaya perkara dadah dipergunakan secara leluasa dalam perubatan yang dikatakan "allopathy" sekarang ini memang tidak asing lagi pada pengetahuan umum. Seperti saya kata tadi bahawa kesan penggunaan dadah amat menyulitkan masyarakat kita sekarang ini walaupun di dalam keadaan pengawalan yang ketat dan saya tentu sekali menyokong atas pindaan dalam jadual yang berkenaan sebagaimana yang telah diterangkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin tadi.

Pada pandangan saya soal penggunaan dadah dalam segi perubatan kita ini dapat diatasi dan dapat dielakkan daripada penggunaannya secara keseluruhan, secara berleluasa kerana setelah kita mengkaji cara perubatan "homoeopathy" seperti yang saya sebut tadi mereka ini tidak menggunakan dadah dalam perubatannya dalam semua jenis penyakit tetapi cara perubatan mereka

juga mendapat tempat di sebelah Eropah dan saya tidaklah bertujuan hendak membandingkan cara perubatan "homoeopathy" ini lebih baik daripada "allopathy" tetapi maksud saya supaya jangan kita bila ada sesuatu penyakit dengan mudah kita tertumpu perhatian kepada menggunakan dadah untuk mengubati sesuatu jenis penyakit sedangkan jenis ubat selain daripada dadah mungkin ada buktinya seperti saya sebut tadi cara perubatan "homoeopathy" tidak langsung menggunakan dadah.

Jadi inilah saya minta perhatian pihak Kementerian supaya cuba membuat kajian dalam masalah ini.

Selain daripada itu dalam hubungan iklan ubat dan juga sehubungan dengan pindaan yang dikenakan ini, saya menyokong atas kawalan yang ketat bukan sahaja dalam masalah-masalah dari segi kacamata perubatan tetapi kawalan juga perlu dikaji dari segi kacamata Islam sendiri, umpamanya dalam setengah-setengah ubat yang digunakan, dijual dan diiklankan ada mempunyai campuran-campuran yang bagi orang Islam campuran itu menyentuh soal hukum; ini perlu juga dikaji supaya soal-soal seperti ini dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengetahui bahawa dalam Islam ubat apabila tidak ada jalan keluar, tidak ada jenis ubat yang halal boleh digunakan walaupun perkara yang tidak halal atau haram tetapi hendaklah setelah tidak ada ubat yang sesuai dengan penyakit itu selain daripada jenis-jenis yang tidak diharuskan oleh ugama Islam. Jadi inilah supaya kita meletakkan suatu tingkat bahawa perubatan ini diusahakan supaya perkara-perkara yang diharuskan oleh ugama diutamakan lebih dahulu. Kalau tidak ada, barulah boleh ditumpukan kepada perubatan yang walaupun bercanggah sedikit dengan ugama. Itu ada kelonggaran tetapi jangan kita sampai tidak menghormati langsung tentang prinsip dalam Islam yang menghendaki supaya cara perubatan sesuai dengan saluran Islam.

Saya bercakap di sini kerana saya kira Malaysia sebuah negara yang mengakui Islam sebagai ugama rasmi negara kita dengan sebab itulah perlu kita meletakkan perhatian dalam semua bidang.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh sahabat saya yang bercakap tentang rumah-rumah urut yang perlu dikawal. Inipun satu masalah yang saya kira akan menimbulkan penyakit sosial dalam masyarakat kita kalau tidak dikawal betul-betul. Umpamanya seseorang yang kalau dia hendak memulihkan tenaganya, itu bagus dengan niat yang baik untuk mendatangkan keharmonian rumahtangganya maka ia datang memulihkan tenaga tetapi jangan pula oleh kerana pergi memulihkan tenaganya dengan berurut dan sebagainya oleh kerana tidak ada batasan yang perlu dikawal oleh pihak yang berkuasa, umpamanya orang lelaki mengurut orang lelaki, jangan membiarkan orang lelaki mengurut orang perempuan ataupun sebaliknya orang perempuan mengurut orang lelaki. Ini boleh mendatangkan keadaan yang luar biasa. Ini juga perlu menjadi satu syarat kepada tiap-tiap tempat yang hendak memulihkan tenaga, mendatangkan kesihatan cara berurut hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti itu. Itu sebagai satu contoh.

Saya rasa dalam masalah seperti ini boleh dikawal dengan penguatkuasaan pindaan dan sebagainya dari masa ke semasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Puan Rahmah binti Othman.

5.11 ptg.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini kerana tujuannya ialah untuk membaiki undang-undang yang lama yang akan menolong Kerajaan supaya dapat menjalankan perkhidmatannya dengan baik dan untuk ini saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah didatangkan pindaan kepada undang-undang asal.

Pada pandangan saya hari ini masyarakat kita terbahagi kepada tiga golongan, satu, golongan masyarakat yang begitu sophisticated sekali; kedua golongan masyarakat yang masih lagi mempercayai kepada ubat-ubat lama (tradisi) dan hari ini wujud satu lagi kumpulan masyarakat yang mempercayai kedua-dua jenis perubatan, perubatan moden dan juga perubatan ubat-ubat lama (tradisi). Oleh kerana itu saya percaya masyarakat yang moden, melihatkan kepada iklan-iklan yang dikeluarkan. Misalnya jenis

ubat yang menghitamkan rambut. Tadi rakan saya ada menyebutkan "terutama sekali kepada orang perempuan, katanya, memang suka cantik." Hari ini orang lelaki pun yang berjanggut itu perlu janggutnya yang putih itu dihitamkan. Dan kadang-kadang saya sekali oleh kerana belum tua sudah gugur rambut, menyebabkan botak, ada orang kata botak itu sexy, jadi orang lelaki pun sekarang ini memerlukan satu cara atau satu jenis perubatan yang dapat membuatkan rambut mereka itu cantik juga dari segi fizikal, maka mereka mencari setiap hari iklan-iklan yang dikeluarkan dalam hal ini. Tetapi malangnya Kementerian Kesihatan tidak ambil satu daya usaha pun untuk mengkaji segala ubat-ubat yang dikeluarkan itu untuk kegunaan masyarakat golongan itu. Pada suatu ketika dahulu saya terbaca dalam majalah pengguna Pulau Pinang, yang telah membuat kajian kepada peringkat atau jumlah percentage ubat chemical yang terkandung di dalam ubat pewarna rambut itu. Ada beberapa jenis ubat yang dijual sekarang ini di merata-rata kedai dan salah satu daripada ubat itu, saya lupa namanya, disebutkan percentage yang begitu banyak sekali mengandungi chemical yang boleh menggugurkan rambut kalau selalu digunakan. Tetapi seperti saya sebutkan awal tadi masyarakat kita moden, dan mereka mahu supaya mereka cantik mahupun lelaki ataupun perempuan maka mereka menggunakan bahan-bahan ini. Oleh itu pada pendapat saya Kementerian sepatutnyalah mengambil satu usaha selain daripada mengadakan pindaan undang-undang yang telah ada, membuat kajian-kajian supaya ubat yang digunakan oleh masyarakat yang memerlukannya yang melihat melalui iklan-iklan terjamin keselamatannya. Iklan inilah yang akan menolong masyarakat yang saya katakan sophisticated tadi. Satu lagi misalan yang saya hendak sebutkan ialah Contac 500. Pada satu ketika dahulu saya terbaca dalam sebuah akhbar bahawa kandungan drug dalam Contac 500 ini banyak sekali, jika dimakan akan merosakkan diri. Jadi tidak digalakkan masyarakat menggunakannya. Tetapi Contac 500 ini boleh dibeli hari ini di kedai-kedai yang menjual ubat.

Satu lagi misalan ubat yang saya fikir patut diberikan perhatian, kalau pun ada iklan-iklan yang begitu hebat sekali dibuat ialah ubat yang bernama "Apisate" yang digunakan bagi untuk kemudahan slimming

atau menguruskan badan orang-orang perempuan. Beberapa wanita yang menggunakan, maklumlah dengan keadaan serba moden hari ini, wanita-wanita cuba mencantikkan tubuh badan mereka dan dengan itu mereka memakan pil "Apisate" ini. Dalam masa seminggu sahaja jika dimakan setiap hari dua biji, akan dapat mengurangkan berat badan wanita itu sebanyak tujuh pound. Begitu cepat sekali berlakunya kekurangan itu. Kata orang yang berkenaan itu lagi jika dimakan pil ini kita tiada nafsu hendak makan nasi dan sentiasa kenyang. Saya rasa ini ada "side effectnya" kerana salah seorang daripada enam orang yang mengikuti iklan ubat ini dan telah makan ubat ini selama 10 tahun, kemudian mendapat penyakit lemah-lemah. Tidakkah ini "side effect" yang dimaksudkan? Saya rasa ubat-ubat yang semacam ini, yang diperlukan oleh masyarakat perlu diadakan kajian yang mendalam sebelum ubat itu disah dijual kepada orang ramai. Rasa saya kalau sekiranya sistem ini dibuat mungkin ada baiknya. Perbuatan sekarang ini sebenarnya menggalakkan orang perempuan itu menggunakan slimming pil-pil untuk atau menguruskan badan. Oleh itu eloklah kerajaan mengadakan berbagai kajian kepada pil-pil slimming dan sebagainya itu.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, tadi rakan saya menyebutkan berkenaan dengan pil yang datang dari luar negeri dan jenis jamu. Hari ini jamu yang dikeluarkan, bukan sahaja digunakan oleh wanita Melayu bahkan bangsa yang lain-lain seperti wanita Cina dan wanita India sekarang ini pun ada makan jamu yang datangnya dari jiran tetangga kita Indonesia. Jika kita buka kotak itu didapati ada surat cara-cara memakannya dan di bawahnya ada menyebut daripada Kementerian Kesihatan Indonesia. Tetapi malangnya jamu-jamu ini apabila masuk ke dalam negeri ini, Kementerian kita tidak membuat apa-apa kajian bagi menentukan isi jamu itu supaya tidak ada side effect yang lebih teruk mahupun dari segi sex, dari segi physical seseorang itu terutama sekali kepada orang-orang perempuan. Apa yang saya tengok di dalam pindaan Seksyen 3 iaitu membaiki fungsi dan daya sex manusia, rasa saya perlulah perkara ini diambil perhatian berat iaitu mengadakan kajian sebelum sesuatu ubat semacam ini dijual di pasaran.

Hari ini begitu banyak sekali pengedaran ubat-ubat semacam ini di sekitar tanahair kita. Tidak ada kontrol langsung. Rasa saya, kerana Kementerian ini berkuasa memberikan lesen-lesen kepada orang-orang yang hendak menjual ubat mungkin Kementerian ini tidak terus menerus memberi lesen tetapi boleh memberi pengakuan kepada mereka yang memohonnya untuk menjual ubat maka saya rasa lebih baik mengkaji ubat-ubat itu dulu sebelum lesen dikeluarkan jika tidak, rasa saya akan membawa satu perkara yang buruk. Saya mengharapkan satu usaha di samping memperbaiki Rang Undang-undang ini, pihak Kementerian perlulah mengadakan pegawai yang mempunyai tauliah untuk pergi melihat ke Health Centre yang dibuka begitu banyak sekali. Saya tidak tahulah, di tempat lain, tetapi di bandar Kuala Lumpur ini ditulis di situ "Pusat Kesihatan" di beberapa kawasan. Health Centre ini bukan untuk orang-orang perempuan.

Saya difahamkan, yang pergi ke Pusat-pusat Kesihatan ini orang lelaki, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau ada orang perempuan, dia pergi bukan untuk mencari orang urut, dia cari orang-orang kampung yang boleh mengurut. "Pusat Kesihatan" ini, saya tidak berapa senang hatinya melihatkan keadaannya, kerana yang bertugas di tempat itu kebanyakannya orang perempuan dan kebetulan sewaktu saya pergi, saya lihat orang lelaki pergi untuk mencari kesihatan badan.

Saya tidak tahu dari segi mana dia dapat menyihatkan badan dengan cara urut dan urut itu datangnya daripada jari-jari yang lembut tetapi hari ini orang perempuan kalau dia pergi berurut untuk "slimming" dia pergi ke Joanne Drews iaitu dia menggunakan mesin, dia tidak menggunakan tenaga orang lelaki.

Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya "Pusat-pusat Kesihatan" yang ada di bandaraya Kuala Lumpur ini dan di bandar-bandar lain saya tidak mahu katakan "hapuskan" tetapi sebelum mereka ini dibenarkan membuka pusat-pusat ini, Kementerian mestilah berusaha ataupun Menteri sendiri pergi melihat tempat ini tetapi jangan berurut! (*Ketawa*) supaya dapat dia memberikan satu perakuan dan pengesahan yang sebaik-baiknya bahawa ini betul-betul bertujuan untuk hendak memperbaiki orang, memberi satu kesihatan dengan

cara apa, menggunakan ubat apa atau sebagainya. Rasa saya kuranglah sebanyak sedikit maksiat-maksiat yang timbul di bandar-bandar yang saya sebutkan tadi yang mempunyai "Pusat-pusat Kesihatan" ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah banyak lagi hendak menyentuh beberapa perkara, saya rasa setakat ini dan saya menyokong pindaan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin.

5.25 ptg.

Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini tetapi saya fikir walaupun Rang Undang-undang ini menitik beratkan tambahan baru sebanyak 18 jenis penyakit di dalam Rang Undang-undang ini termasuk daripada Undang-undang lama yang telah ada.

Walau bagaimanapun yang berkaitan dengan Rang Undang-undang ini ialah berkenaan dengan media iaitu sama ada melalui suratkhbar, televisyen ataupun radio. Apa yang telah dijalankan sekarang semua ubat-ubat iaitu istilah yang saya faham jikalau ubat itu walaupun dia ditelan melalui mulut, cara "injection", cara urut ataupun cara cium; itu semua ada istilah di dalam ubat. Tetapi sedikit sebanyak ubat-ubat ini jikalau hendak mendapat pasaran mestilah dimasukkan di dalam media yang saya sebutkan tadi. Perkara ini telahpun berjalan, tetapi tiap-tiap ubat yang hendak dimasukkan di dalam media suratkhbar, mesti mendapat "approval" daripada Kementerian Kesihatan baru dapat dimasukkan di dalam suratkhbar. Tetapi dalam pada itu saya percaya Kementerian ini sangat-sangat ambil perhatian berkenaan dengan ubat-ubat yang mengandungi racun ataupun dadah iaitu "content" ubat-ubat itu.

Jadi berkenaan dengan ubat; jikalau kita katakan ubat, ubat ini datang daripada seluruh dunia bukannya ubat ini "western medicine" sahaja yang kita hendak fikirkan. Tetapi ada ubat datang daripada negeri China. Ada ubat datang daripada Indonesia, tambahan pula kita berjiran dengan Indonesia sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Rahmah yang bercakap tadi berkenaan dengan jamu yang "very popular" di Indonesia dan juga di Malaysia ini.

Jadi ada kegemaran oleh pengguna-pengguna bukan sahaja lelaki bahkan perempuan dan lelaki pun bersama kerana tujuannya ada di dalam undang-undang ini. Iaitu yang pertama sekali kecantikan, yang kedua kuat badan dan yang ketiga adalah sek. Jadi soal sex ini jikalau kaya raya, jikalau tidak ada sek apa guna dunia ini! (*Ketawa*) Lebih baik jadi Pak Lebai duduk di surau. (*Ketawa*) Betul atau tidak? Jikalau isteri kita tidak cantik, sudah tua ataupun selepas beranak satu sudah jadi macam orang tua, apa hendak guna terpaksa kita kahwin lagi (*Ketawa*). Inilah timbang rasa, semua ini hendak dibetulkan dan hendak ditimbangkan kepada kedua-dua pihak iaitu lelaki dan perempuan. Itulah gunakan jamu dan juga ada di Kelantan dipanggil majun, sesiapa yang tidak beranak dan makan majun, dia beranak cepat pula. Itu pun ada juga. Saya fikir yang dimaksudkan oleh bill ini adalah tertentu kepada jenis ubat yang difikirkan merbahaya. Bahkan Kementerian pun sudah siasat berkenaan hal ini sebelum bill ini dibawa ke dalam Parlimen.

Jadi sekarang kita hendak katakanlah kita takut makan ubat, ubat Melayu aslipun masih banyak lagi orang makan. Saya mintalah kepada Kementerian ini janganlah apabila besok sudah ditubuhkan suatu badan, kalau semua ubat ada komplek ditahan. Saya di sini adalah juga sebagai seorang orang suratkhbar dalam undang-undang ini siapa yang mengeluarkan iklan itupun akan didenda. Tuan Yang di-Pertua, kalau besok orang selepas sahaja menggunakan Tiger Balm sakit perut; seperti kita tengok di TV, iklan Tiger Balm, seorang tua menyapu ubat Tiger Balm ke perut seorang budak supaya menghilangkan sakit perut budak itu iklan itu diharamkan. Jadi revenue TV habis, mengapa revenue TV tidak dapat kerana kita takutkan Rang Undang-undang kalau diambil tindakan dengan berat dan yang sekeras-kerasnya. Jadi, saya mintalah perkara ini ditimbangkan balik.

Setengah-setengah ubat macam akar kayu berapa banyak kita ada doktor yang menggunakan akar kayu ini—doktor herbs, ada juga pil daripada akar kayu adakah ini juga termasuk dalam undang-undang ini. Doktor yang menggunakan herbs ini bermacam-macam penyakit dia boleh ubat, dia boleh kata penyakit ini ubatnya ini, boleh menghilangkan penyakit itu. Sekarang ini

banyak orang Melayu menjadi doktor seperti ini, sama juga macam Allahyarham Dr Burhanuddin, dia juga pakar herbs. Anak-anak muridnya banyak di seluruh Malaysia ini yang dapat pelajaran daripadanya. Bagaimana pula nanti kita hendak mengatakan ubatnya boleh merbahayakan mengikut undang-undang yang ada ini. Saya percaya undang-undang ini tegas kepada barang yang merbahaya. Kalau kita masuk berkenaan dengan rokok itupun merbahaya, kata doktor. Saudara saya yang dekat ini juga mengatakan rokok merbahaya, boleh membawa penyakit cancer of stomach, cancer of throat dan juga lain-lain, tetapi apa Kerajaan kita telah buat? Di TV rokok Benson & Hedges dan 555 keluar juga tetapi dia tidak menyebut dalam TV ini danger to health. Kita sudah tahu ini merbahaya tetapi dibenarkan. Kenapa dibenarkan sebab ini adalah doctor's opinion yang tidak ada muktamatnya.

Berkenaan dengan ubat inipun adalah perbuatan manusia, dia experiment daripada setahun ke setahun. Walaupun kita makan satu pil menguatkan badan, menaikkan sex tetapi pil-pil yang lain pun ada bermacam-macam. Jika kita tengok pil daripada negara China yang dijual di dalam negeri ini kalau kita tengok contents dia whisky, apa ada dalam isinya, iaitu ialah punai-punai burung. Saudara saya daripada sebelah sana tadi tidak menyebutkan kandungan isi yang ada di dalam hukum ugama. Ini adalah haram. Makan punai-punai seperti punai anjing, punai antelope dan sebagainya ini ada banyak di dalam Emporium, menaikkan nafsu, menguatkan badan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apakah barangnya itu?

Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Ini masuk dalam suratkhbar berbahasa Tionghua tetapi tidak masuk dalam suratkhbar bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan kerana ini adalah haram. Jadi, kalau undang-undang benarkan dimasukkan dalam suratkhbar benda macam ini haram mengikut segi ugama, kalau suratkhbar berbahasa Tionghua tidak mengapa untuk orang China sahaja, tetapi kita berkawan dengan orang China, kita kata taukeh susahlah belakang saya sakit, sekarang sex saya kurang katalah begitu. Katanya, tidak apalah Datuk, saya boleh pergi beli satu botol, saya

boleh beri Datuk; ini sudah makan haram dan lagi kotor. Inilah masalah yang terdapat sekarang berkenaan dengan ubat-ubat. Jadi, saya hendak tahu ubat yang mana boleh kita iklankan dan ubat yang mana kita tidak boleh iklankan. Sebab sekarang ada bermacam-macam ubat dalam dunia ini.

Berbalik saya kepada Pharmacy. Pharmacy ini adalah baik, teratur yang berjalan di dalam negeri ini dan terkawal. Tiap-tiap kali drugs atau pil yang kita hendak beli daripada pharmacist mesti ada surat dari doktor baharu dapat dibeli ubat ataupun dapat dibeli ubat dengan menandatangani di buku daftar yang disediakan. Tetapi kita lihat berapa banyak pharmacy dipunyai oleh bumiputra walhal bumiputra banyak yang menjadi doktor. Saya tengok pharmacy adalah satu perniagaan yang cukup memberi keuntungan dan juga boleh mendapat banyak pelanggan dari doktor-doktor tempatan. Jadi, kita mintalah kepada Kementerian walaupun pharmacy ini dikenakan pendaftaran tetapi mintalah digalakkan supaya dibenarkan juga doktor-doktor daripada bumiputra membuka pharmacy, dia boleh memeriksa dan boleh membuka pharmacy. Sebab orang yang menjalankan perniagaan pharmacy itu mesti qualified untuk membancuh ubat dan memberi prescription betul-betul kepada si pembeli itu, kalau tidak nanti diberi lebih racun daripada ubat. Ini sangat mustahak dan penting.

Ada sedikit lagi saya tertarik hati hendak menyebutkan berkenaan dengan orang-orang gaduhkan fasal urut. Saya tidak hendak jadi hypocrite. Hypocrite ini adalah satu perbuatan yang dalam segi ugamapun salah yakni dia buat tetapi dia tidak mengaku. Saya baharu balik daripada India dan ada menengok orang bertanya awak hendak perempuan atau lelaki, barangkali orang itu hendak urut, kita tidak boleh paksa, itu badannya. Tetapi yang ada ini kita hendak melarang kedai urut, hendak suruh Menteri pergi ke kedai urut, tetapi dia tidak ada kuasa berkenaan dengan kedai urut, itu kuasa dalam tanggungjawab Datuk Bandar, sebab itu termasuk dalam kuasa Municipality, bukan Menteri. Itu tidak ada kenamengena sebab dia tidak pakai ubat, dia pakai tepong (powder) (*Ketawa*) ataupun habis-habis ubat dia pakai olive oil. Jadi kalau dia gunakan tepong (powder) tak payah mandi.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat itu minta penjelasan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Dengan ucapan Yang Berhormat tadi, saya minta penjelasan. Dengan powder, dengan minyak, adakah Yang Berhormat itu sudah cuba?

Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Saya bukan hypocrite—saya sudah mengalami (*Ketawa*). Tetapi orang yang kata tidak, sudah pergi (*Ketawa*)—itu yang saya hairan.

Sungguhpun begitu, sekarang kita tengok dalam bandar kita, sudah kita tengok di mana-mana tempat tidak dibenarkan lagi kedai-kedai urut di dalam shop houses melainkan International Hotels.

Satu lagi kita telah mendesak kepada Tourist Development Corporation suruh menggalakkan orang datang daripada luar negeri supaya kita hendak banyak hasil daripada tourism. Orang hendak datang ke sini hendak tengok muka kita sajakah? Mereka pun sudah pergi melawat letih juga, hendak juga berkemas badan, bukan urut ini untuk lelaki sahaja hendak dikatakan, perempuan pun lebih banyak menggunakan urut ini. Boleh kita bawa tengok ke mana, perempuan sama perempuan seronok, this is something for everybody, boleh membawa perasaan muhibbah (*Ketawa*). Bukan laki-laki, hendak disalahkan kepada laki-laki. Saya hendak cuba laki-laki sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Minta jalan.

Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Ya.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, perempuan yang mana urut banyak membawa akibat. Bolehkah diberitahu perempuan-perempuan yang pergi itu janganlah terkena pula.

Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Saya tak kata Yang Berhormat tetapi jangan semuanya laki-laki yang salah, nanti saya hendak membela untuk laki-laki, hak saya. Bila kita tegakkan hak kita, jangan pula ada orang kata tak boleh, kita tidak menyentuh tetapi ini termasuk, kita tidak boleh menjatuhkan the fact. Yang

sebenarnya kita kata tak sebenar, yang tak benar kita kata benar, jadi yang banyak ini kita cakap tak benar fasal perempuan yang cakap, kami yang buat, jadi kami yang tahu benar atau tidak. Kami kata tak benar, tak ada macam mana disangka-sangkakan berkenaan dengan urut ini, jikalau tidak, pihak berkuasa ambil tindakan. Jadi biarlah kita ini betul-betul sayangkan undang-undang yang kita ada. Biar undang-undang kita yang ada itu memang di-enforcekan oleh Kerajaan hari ini, bukannya tidak.

Itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan harapan kepada Kementerian ini bila mengimplementkan Rang Undang-undang ini mestilah memandang kepada semua segi, aspek yang ada di dalam lingkungan (environment) kita semua, janganlah kita terus pandang kepada satu aspek sahaja mesti ada pro and con. Dengan sebab bab ubat ini ada western medicine, ada local medicine asli, ada yang datang daripada Asian, jadi tiap-tiap satu orang yang berpenyakit macam saya, orang kata pergi acupuncture, saya pergi acupuncture kerana hendak baik. Ada satu orang kata pula awak pergi ke Negeri China kerana makan daging katak yang ada dalam winter 6 bulan itu, penyakit boleh keluar, itu pula bagus kena pergi makan ubat itu. Jikalau kita minum whisky atau brandy haram sekalipun kalau niat itu akan memulihkan sakit kita, bukanlah kita minum whisky itu, ini sebagai saya minum hendak mabuk tetapi niat sebagai ubat ada diterima dalam ugama Islam? Saya percaya terima, bahkan medicine yang ada sekarang mesti dicampur dengan ubat-ubat ini mesti ada, bukan tak ada.

Dalam pada itu saya minta Kementerian ini beri pertimbangan sebab ini saya seorang ahli suratkhbar yang mengiklankan kebanyakan ubat-ubat asli dan ubat-ubat seperti Minyak Cap Kapak, Tiger Balm, dari situ datang ubatnya juga bukan saya malu menyebutkan itu, bukan suratkhbar ini malu sebut itu bahkan hari ini saya baca Minyak Cap Kapak pun ada—tak malu, walaupun ada satu pemimpin di seberang laut ini mengatakan *Utusan Melayu* boleh hidup dengan iklan Minyak Kapak sahaja atau Tiger Balm. Jikalau saya beri kuntau China kepada ini, *Utusan Melayu* habis mati tetapi alhamdulillah, Tuhan itu berkuasa, kita tidak mati, selamat. Inilah saya

berharap sebab akibat daripada Bil ini kedua-dua pihak akan kena dakwa di mahkamah, biarlah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim.

5.46 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Oleh kerana masanya telah tidak mengizinkan, saya hendak sebut beberapa perkara sahaja.

Tadi sahabat-sahabat saya membangkitkan masalah perubatan secara tradisional, perkara ini termasuk di dalam undang-undang ini, iaitu dalam Undang-undang Ubat (Iklan dan Penjualan). Masalah perubatan secara tradisional ini masalah yang turun-temurun kepada orang Melayu tetapi ilmu perubatan cara ini semakin hari semakin pupus, maka kalau berjalannya undang-undang yang seumpama ini tidaklah boleh kita katakan perubatan secara tradisional ini adalah tidak atau sebagainya. Apa yang saya harap dengan berjalannya undang-undang ini, undang-undang ini yang diminta kuasa daripada Parlimen oleh pihak Kementerian supaya diberi kepadanya kerana dia hendak menjalankan iaitu menambahkan kuasa sama ada denda-denda itu hendak ditambahkan lagi dan supaya pemeriksaan di tempat-tempat ubat itu ditambahkan kuasa kepadanya, maka ini adalah satu perkara yang baik tetapi dengan diberi kuasa yang sebegini saya bimbang pihak Kementerian tidak berjalan juga. Banyak Kementerian-kementerian apakala dibentang undang-undang diminta daripada Parlimen ini beri kuasa kepadanya, dia hendak berjalan, tetapi apakala kuasa telah diberi, dia tidur sebagaimana biasa juga.

Saya bawa perkara ini ialah sebagai contoh, pagi tadi saya berjalan di kaki lima di Chow Kit Road saya nampak orang menjual ubat, beria-ia benar, orang ramai berkerumun sehingga saya hendak lalu di kaki lima pun tidak boleh, terpaksa kena turun di bawah, ramainya orang. Inilah cara iklan zaman sekarang orang menjual ubat, iaitu ubat-ubat itu sama ada secara tradisional ataupun ubat-ubat sebagainya diletakkan di situ, dia pun bersyarahlah (lecture) memuji-muji ubatnya itu, tidak payah dibicara bagaimana

yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Hussein Noordin tadi masukkan di dalam suratkhobar, tidak payah lagi. Ini yang lebih laris dan inilah yang lebih laku dijual ubat-ubat itu. Maka saya hairan pihak Kementerian Kesihatan takdirnya, perkara ini ada di dalam undang-undang, pegawainya boleh mengawasi tetapi tak berjalan. Seumpama di negeri Trengganu yang saya hairan boleh dikatakan tiap-tiap hari orang bawa ubat daripada negeri Thai (Siam) pil daripada Amerika, pil buatan Siam dan sebagainya, bermacam-macam iklannya di situ. Maka pil-pil yang dijual ini lebih laris daripada goreng pisang. Orang sakit lutut ini ubatnya, orang sakit perut ini ubatnya, orang sakit untut ini ubatnya, sakit tua ini ubatnya. Tidakkah perkara-perkara ini menyalahi sebagaimana dalam undang-undang ini. Kenapa tidak diambil tindakan. Di mana pegawai-pegawai kesihatan. Di depan matanya sendiri perkara ini berlaku, dia boleh pejamkan mata. Sekarang ini minta lagi hendak tambah seperti di dalam Fasal 3 ini, minta tambah denda lagi. Kita berilah denda supaya ditambah tetapi kalau sudah tidak berjalan, bagaimana?

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang betul-betul ganjil tetapi perkara ini masih berjalan iaitu orang daripada Selatan Thailand pergi ke Kelantan dan Trengganu, dia mengaku yang dia pakar mengubati mata. Orang-orang kampung ada yang terkena menyerahkan matanya yang kelabu dan tidak berapa nampak itu, diserahkan kepada pakar mata itu tadi sehingga boleh dia membedah mata itu. Seorang daripada sahabat saya iaitu seorang peniaga di Kuala Trengganu, Encik Ali namanya, saya pun hairan dia boleh menyerahkan matanya kepada orang tadi. Apakala di-bedah maka tidak nampak langsung—jadi buta terus. Dibawa pergi ke hospital bagi diubati—bukan diubati matanya tetapi diubati kerana pembedahan tadi iaitu pembedahan oleh doktor palsu yang tidak senonoh tadi. Tetapi orang itu terlepas juga tidak diambil apa-apa tindakan, maka butalah mata Encik Ali itu sampai sekarang kerana menyerahkan perkara ini kepada doktor palsu. Inilah yang saya risau. Jadi sekarang ini orang yang menjual ubat di kampung-kampung ini sehingga berani dia menginjek. Dia boleh injek dan dia ada juga jarum-jarum sebagaimana yang dibawa oleh doktor itu. Ubat-ubat ini dia boleh injekkan.

Jadi kadang-kadang injeknya itu barangkali jarumnya sudah berkarat atau sebagainya membawa akibat yang buruk pula. Boleh jadi perkara ini dibawa ke hospital tetapi dia tidak bertanggungjawab, apakala berlaku perkara seumpama ini dia pun lari. Orang itulah menanggung kesiksaannya. Maka perkara yang seumpama inilah yang sepatutnya pihak Kementerian mengambil berat janganlah apakala diberi kuasa kepadanya di dalam undang-undang yang seumpama ini hendak dipinda itu, hendak dipinda ini, hendak minta kuasa itu, kuasa ini, kita beri dan kita harap mudah-mudahan perkara yang berhubung dengan orang ramai (public) ini patut diawasi.

Yang pertama sekali patut diawasi ialah penjual-penjual ubat di kaki-kaki lima, penjual-penjual ubat di pasar-pasar. Adakah dibuat serbuan? Kalau sekiranya pihak minyak diesel kerana tidak ada minyak kita boleh serbu periksa maka saya tidak pernah melihat pihak Kementerian Kesihatan ini—pihak hospital ini menyerbu orang-orang yang menjual ubat itu. Pegang dia dan tanya dia dari mana pil ini, tetapi tidak pernah dibuat. Akhirnya orang kampung menjadi mangsa.

Yang keduanya, seperti saya katakan tadi iaitu ubat tradisional. Tuan Yang di-Pertua, setengah-setengah doktor ini bukannya pakar di dalam bahagian itu, dia cuma doktor biasa sahaja. Kadang-kadang dia hendak menunjukkan pandainya dikatakan ini tidak boleh, padahal dia tidak ada ilmu dalam soal itu. Saya harap pihak Kementerian mestilah mengadakan satu makmal supaya dianalisiskan ke semua perubatan cara Melayu ini yang mana boleh dipakai, yang mana tidak boleh dipakai. Yang mana boleh dipakai itu berilah galakan kepada dia. Banyak perubatan cara Melayu ini yang boleh menjadi guna.

Di depan saya sendiri, betul atau tidak, wallahuallah, Tuan Yang di-Pertua, berlaku satu masa dahulu orang dipatuk (ketik) oleh ular. Di situ ada seorang bomoh katanya, cari kapur buluh. Saya kata apa perlunya kapur buluh. Dia kata buluh dengan ular ini adalah menjadi seteru dia. Jadi kalau kita palu ular dengan benda-benda lain payah matanya tetapi kalau ambil buluh kita pukul dia mati terus. Ini rahsianya buluh ini adalah menjadi penawar. Kemudian ambilkan kapur dalam ruasnya itu bubuhkan di tempat

kena patuk itu. Ada seorang yang hadir di situ meletakkan kapur itu pada luka tempat patukan ular itu baiklah lukanya. Saya tidak tahu, saya bukan doktor, saya fikir kalau doktor tengok kapur buluh itu apa khasiatnya. Janganlah kata ini bohong—tidak boleh. Macam-macam perubatan cara tradisional kita yang boleh mendatangkan faedah. Yang kita perangi ini ialah yang palsu tadi, yang menipu orang ramai dalam jualan ubat. Ini satu mata pencarian maka dia pun buat bermacam-macam penipuan di dalam perubatan ini. Maka inilah yang saya harap apakala berjalan undang-undang ini maka pihak Kementerian Kesihatan hendaklah meletakkan lebih ramai lagi pegawai-pegawainya, masuk ke kampung-kampung dan di mana-mana tempat-tempat penjualan ubat, serbu, tangkap orang itu, tengok dan tanyakan betul-betul supaya orang ramai tidak menjadi mangsa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator V. V. Aboo.

5.55 *ptg.*

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

Saya ingin memberi beberapa pandangan terhadap kekurangan yang terdapat dalam akta pindaan ini. Seperti yang kita sedia maklum tingkat kesihatan di negara kita ini dapatlah dibanggakan dan juga penjualan ubat oleh farmasi-farmasi yang berdaftar adalah sangat besar perniagaannya dan haruslah diberi lebih perhatian dalam menjamin kepuasan kehendak orang ramai.

Di dalam page 4, perenggan 6E Akta pindaan Ordinan Ubat ini tidak memberi perhatian kepada apakah jenis-jenis kesalahan yang boleh dikenakan penalty yang seperti dinyatakan.

Ahli Farmasi yang berdaftar ini terutama yang menjalankan perniagaan kecil ada didapati masih menjual ubat-ubat lama yang telah melebihi tarikh tamat dan tidak menghiraukan akan kepentingan kesihatan orang ramai.

Rang Undang-undang ini patutlah ditambah dengan mengadakan penalty kepada ahli-ahli farmasi ini yang hanya bertujuan meluaskan perniagaan mereka dan tidak

mengutamakan sama ada bekalan ubat yang dibeli masih di dalam keadaan baik atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu terdapat beberapa kejadian di mana orang mendapat penyakit setelah membeli ubat-ubat mereka dan menimbulkan perkara-perkara yang tidak diinginkan ekoran dari perbuatan ahli-ahli farmasi berdaftar yang tidak bertanggungjawab ini.

Saya ingin tahu apakah kelulusan atau keperluan bagi seorang farmasi public sector untuk memulakan perniagaan. Saya ingin mencadangkan supaya ahli-ahli farmasi ini akan hanya diberi kuasa menjalankan perniagaan dan diberi taraf "Farmasi Berdaftar" hanya setelah lulus satu keperluan atau kelayakan minima seperti mempunyai ijazah atau diploma. Ini akan memberikan orang ramai seorang farmasi yang layak dan mahir dan diiktirafkan oleh Kerajaan.

Ini juga akan mengelakkan keraguan orang ramai terhadap penjualan ubat-ubat mereka malah kita akan lebih berasa "secured" apabila berhadapan dengan mereka.

Akhirnya, saya menyokong Bill ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak.

6.00 *ptg.*

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang pada petang ini membahaskan Bill yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan iaitu Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita mengkaji atau memikirkan ubat dalam negara kita ini ada beberapa fungsi yang patut sama kita fikirkan. Pertama, kecukupan tempat perubatan di negara kita seperti hospital, pusat kesihatan, klinik dan sebagainya kerana segala orang yang membuat ubat itu sama ada gedung ubat yang didaftarkan di bandar-bandar besar ataupun penjual ubat di kaki-kaki lima, pada istilahnya juga ahli farmasi sekadarkan yang mana kecil modalnya maka kecillah bidang khidmatnya, yang mana besar modalnya dan keupayaannya maka besarlah khidmatnya kepada orang ramai.

Kita tahu ubat-ubat ini adalah dikehendaki oleh setiap pesakit di dalam sesebuah negara. Oleh sebab kita masih kekurangan tempat-tempat perubatan, hospital kita masih kurang kalau ada di Kuala Lumpur masih kecil bilangannya, bahkan di seluruh negara mengikut kehendak-kehendak kesihatan berapa orang yang dirawat oleh seorang doktor, umpamanya, di negara ini rakyat kita ada 12 juta berapa doktor yang perlu ada supaya seimbang dengan keramaian rakyat. Kalau keadaan ini nyata kekurangan maka ahli farmasi ini sudah menjadi begitu penting untuk menjual ubat bagi menolong rakyat. Oleh yang demikian, kalau sebarang ubat yang ada di gedung-gedung ubat itu mengandungi dadah, racun dan sebagainya, maka ubat ini perlulah dikaji oleh pusat perubatan kita. Sejak negara kita sudah merdeka berapa banyak ubat-ubat yang telah kita kaji, yang sudah dibuat penyiasatan bahawa ini tidak boleh digunakan dan sebagainya? Kalau ini bilangannya masih kecil bermakna peranan farmasi untuk menjual ubat-ubat masih diperlukan. Dengan sendirinya ubat-ubat ini diperlukan supaya dapat dibeli oleh pesakit dan pesakit boleh mendapat ubat dengan mudah dan pembelinya dapat dengan mudah, selain daripada pergi ke rumah sakit. Jadi sekarang kita boleh melagang undang-undang dan penaltinya berat dan sebagainya tetapi adakah kesanggupan kita bahawa rumah sakit di negara kita sudah mencukupi keupayaan bagi menampung pesakit di negara kita? Ini satu perkara yang patut difikirkan oleh Kerajaan. Kalau jawapannya rumah sakit kita belum cukup, hospital belum cukup, ubat-ubat kita yang kita kaji belum banyak kita analisa, maka kita tidak boleh tahan farmasi itu menjalankan tugas bagi menjual ubat kepada rakyat dan siapa yang suka membeli. Di samping melaksanakan undang-undang ini, patutlah Kerajaan membesarkan pusat perubatan, perlu diperbesarkan lagi, ditambah kakitangan, ditambah segala kelengkapan supaya boleh kita menyasiat tiap-tiap ubat-ubat yang ada di Farmasi (Gudang Ubat) dan kita beri tahu kepada rakyat bahawa ubat ini tidak boleh dan ini boleh digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika dahulu ada pakar penyiasatan perubatan kita mengatakan jangan makan leher ayam putih kerana kalau makan leher ayam pemakan-pemakannya itu dapat sakit kanser buah dada. Oleh sebab kajian itu sampai

sekarang belum muktamad, pengusaha-pengusaha ayam sudah banyak kerugian, kerana tidak dimakan oleh kaum ibu atau wanita, sebab takut buah dadanya kena kanser. Ini merugikan satu perniagaan di negara kita. Kemudian satu masa pula ada ubat yang dikatakan tak boleh dimakan, kononnya akan kena sakit ini maka rugilah peniaga berkenaan. Sedangkan gedung penyiasatan ubat kita tenaganya masih kecil. Saya berpendapat bahawa Kerajaan patut membesarkan pusat penyelidikan perubatan walaupun hari ini sudah diiktiraf sebagai satu pusat yang terkenal di rantau Asia ini tetapi kita harap pusat ini bukan sahaja terkenal di Asia tetapi juga ke seluruh dunia sebagai satu pusat penyelidikan perubatan yang terkenal. Gah dan Agong. Dengan kejayaan kita itu bolehlah beri bahan-bahan itu kepada negara sahabat yang berkehendakkan. Kita boleh buat undang-undang, dan Dewan akan sedia meluluskan tetapi kesan (effect) daripada undang-undang itu yang menjejaskan kepada banyak masalah.

Tuan Yang di-Pertua, kita bawa umpamanya masalah penjual ubat di kaki lima, kita serbu dia. Boleh Kerajaan buat demikian, tetapi ubat-ubat itu mesti ada pengesahannya daripada IMR. Kalau tidak, dia akan dakwa Kerajaan pada masa itu berapa kerugiannya. Jadi orang yang sepatutnya tak dapat duit, kelak dapat duit dengan langkah kita. Jadi ini adalah satu perkara yang patut ditimbangkan oleh pihak Kementerian Kesihatan dan juga oleh Kerajaan kita.

Saya tertarik hati, Tuan Yang di-Pertua, sebab ada sahabat saya menyebutkan kalau pakai ubat rambut ada yang jadi hitam kemudian ada yang botak. Kebetulan saya pun botak, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun pukulannya pukul sendeng, tetapi pukul maut (*Ketawa*).

Saya terpaksa bercakap fasal sex. Orang perempuan atau golongan wanita itu telah menjadi kebiasaan bahawa wanita hak lelaki dan lelaki itu hak perempuan. Ibarat makanan di kedai, ada orang suka makan roti, roast chicken, ada orang suka beef steak, ada pula yang mahu minum sahaja. Jadi dalam alam maya ini maknanya tak ada masalah. Kalau dia hitam pun tak ada, kerana fasal ada pasangan yang menerimanya atau pasangannya. Tetapi bolehkah kita tegah mereka menggunakan ubat menghitamkan rambut kalau itu kemahuannya?

Saya bersetuju disiasat benda yang dijual itu akan tetapi bila timbul masalah kita pergi mendapatkan perubatan umpamanya kalau sekiranya ada orang yang beruban sedikit digunakan minyak hitam dia tak ada uban lagi, dia lebih sexy. Kalau semua alam ini penuh dengan bunga-bunga yang berwarna-warni, bukan sahaja kumbang dalam negeri yang menghisap bunga-bunga itu bahkan burung layang-layang yang jauh daripada luar negeri pun akan datang menyerikan bunga-bunga itu. Ini menunjukkan kemakmuran dalam negara kita, tetapi apa yang kita perlukan, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan supaya kuasa itu apabila diluluskan dan akan diluluskan hendaklah dijalankan kuasa itu dengan penuh teliti, kerana dari apa yang saya telah nyatakan tadi, negara kita masih kekurangan hospital, rumah sakit yang menampung berbagai pesakit, kurang anggaran manusia yang sepatutnya dirawat oleh seseorang doktor. Berapa jumlah ramai rakyat yang patut dirawat oleh seorang doktor dalam satu-satu kawasan. Kalau ini sudah cukup, rumah sakit kita sudah banyak di mana-mana pun ada, baru kita menggunakan kuat-kuasa dengan cara yang dikehendaki oleh undang-undang. Dan sebelum itu pusat kajian perubatan kita diperbesar supaya dia boleh menyiasat ubat-ubat yang datang daripada luar negeri bukan mengambil tempoh yang lama, tetapi dengan tempoh yang sekejap sahaja satu dua bulan telah dapat hasil dari kajian, ubat ini merbahaya, dadahnya lebih, ininya lebih dan ini tidak boleh dimakan dan bahaya kepada sesiapa yang memakannya.

Akhirnya, inilah cadangan saya dan saya harap dengan lulusnya Rang Undang-undang ini Kementerian Kesihatan harus mengkaji sebab terlibatnya bukan satu, gudang-gudang ubat, TV, suratkhobar kita pun terlibat dan juga kedai-kedai singse di negara kita ini akan terlibat dan kalau ini terlibat bermaknalah rakyat yang jauh dengan rumah sakit yang termasuk dalam golongan yang percaya kepada perubatan moden tidak dapat dibeli, maka kembalilah mereka itu semula kepada cara tradisional. Saya tidak sekali-kali menyalahkan ubat-ubat tradisional ini kurang berjaya akan tetapi saya berkehendak ubat moden inipun perlu digalakkan dan ubat-ubat asli atau tradisional ini patut dikaji supaya ia menjadi ubat yang lebih popular pada masa yang

akan datang. Dengan jalan itu rakyat negeri kita sekarang ini bukan sahaja mencintai kepada ubat-ubat tradisional, tetapi mengakui bahawa ubat-ubat moden ini menjadi ubat yang boleh membaiki dan menyihatkan tubuh badan seseorang manusia. Dengan demikian, saya menyokong dengan sepenuhnya.

6.14 ptg.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali mereka yang telah memberi pandangan yang begitu hebat di dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa begitu banyak Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini, ini dengan sendirinya telah membuktikan dengan jelas bahawa mereka mempunyai satu keazaman supaya Kementerian ini dapat menentukan pengawalan terutama sekali keselamatan (the safety of the medicine) ubat-ubatan yang digunakan oleh rakyat negara ini. Tiaptiap Ahli telah memberi sokongan dan mengemukakan beberapa cadangan, sungguhpun ada beberapa perkara yang telah ditimbulkan adalah luar daripada Rang Undang-undang ini yang mana hanya merupakan satu Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan), tetapi timbul health centre dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kementerian Kesihatan memang sentiasa mengambil tindakan untuk mengawal iklan-iklan ubat yang berleluasa dalam Malaysia kita sama ada menerusi radio, televisyen, suratkhobar dan lain-lain lagi ataupun penjual-penjual ubat di tepi jalan yang mana tidak memberi faedah kepada orang ramai dan iklan-iklan ini menggalakkan orang-orang kita cuba mengubati diri mereka sendiri iaitu self-medication dan merawat sendiri itu boleh mengakibatkan penyalahgunaan ubat-ubatan yang mempunyai kesan yang berlawanan.

Dari pengalaman saya, Tuan Yang di-Pertua, self-medication itu boleh jadi yang dangerous; doktor dan specialist kita yang ada di sini boleh menyokong saya dalam masalah ini. Merawat diri sendiri juga boleh

menggalakkan perkembangan apa yang kita panggil pill-popping culture iaitu hanya sikit-sikit sakit masukkan pill dalam mulut dan telan, inipun mungkin menimbulkan satu kebudayaan menyalahgunakan ubat-ubat, sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Amin tadi iaitu menggunakan istilah dadah, tetapi sebenarnya kita sudah membuat keputusan bahawa huruf dadah ini hanya digunakan dalam satu istilah iaitu penyalahgunaan dadah. Jadi dadah atau medicine yang disebutkan sekarang menggunakan istilah ubat-ubatan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah supaya kita dapat mengawal lagi iklan-iklan ini terutama sekali iklan-iklan yang mengelirukan (the misleading advertisements) yang telah mengelirukan orang ramai dalam penggunaan ubat-ubatan itu daripada apa yang sebenarnya. Oleh itu, Kementerian ini telah menubuhkan satu Lembaga Iklan Ubat-ubatan (Drugs Advertisements Board) yang terdiri daripada mereka yang kita fikir mempunyai pengalaman, mempunyai expertise dalam perkara-perkara begini dan mereka terdiri daripada Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan sebagai Pengerusi dan Pengarah Perkhidmatan Farmasi dari Kementerian ini juga sebagai Pengerusi selinganti dan seorang doktor pakar (physician) duduk dalam Lembaga ini, seorang ahli pharmacy (pharmacologist), seorang pegawai dari Perkhidmatan Awam juga seorang pegawai dari Kementerian Penerangan. Jikalau kita lihat composition Lembaga ini, Lembaga ini merupakan satu Lembaga yang betul-betul terdiri daripada orang-orang yang mempunyai pengetahuan dalam perkara ini dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh mereka bukanlah satu-satu keputusan yang dibuat begitu sahaja, tetapi keputusan yang dibuat dengan full knowledge of the implication yang mereka buat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai satu garis panduan (guideline) yang kita beri kepada pengiklan-pengiklan yang hendak mengiklankan ubat-ubat mereka dan adalah sangat panjang kalau saya hendak baca guideline ini ada lima muka, dan kalau ada Ahli Yang Berhormat yang menghendaki membaca garis panduan ini, saya sanggup membuat photostat copy dan memberikan kepada mereka. Tetapi bolehlah disebut sedikit di sini umpamanya kita menegahkan

mereka menggunakan sebagai rangkaikata “Membebaskan Anda Dari Pembedahan dan Kesakitan”. Kadangkala kita dengar dalam satu iklan, umpamanya penyakit buasir, jika kita dengar rangkaikata—“Membebaskan anda dari pembedahan dan kesakitan”—benda macam ini kita tidak benarkan. Begitu juga iklan mengenai multi-vitamins, kadangkala kita dengar mereka mengatakan vitamin ini memanjangkan umur dan sebagainya. Itu tidak betul sama sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi telah menimbulkan masalah pengkajian, penganalisaan ubat-ubat tradisi herbs, minyak dan lain-lain. Ini kalau dapat dibuat memang baik tetapi dalam perkara ini kita menghadapi banyak kesukaran. Kalau kita hendak menganalisa herbal medicine, ubat-ubat herbs, macam daun-daun dan akar-akar; ini merupakan satu proses yang betul-betul sulit, kerana kita terpaksa mengkaji kandungannya. Katakanlah akar tuba, apa kandungan chemical dan bio-chemical contents di dalamnya. Ini adalah sangat sukar dan bukan senang tetapi suka saya menyatakan di sini Universiti Sains Malaysia sedang membuat satu kajian yang awal dalam masalah ini. Ini merupakan langkah yang saya rasa langkah yang baik dan mungkin kita dapat kerjasama daripada negara-negara lain umpamanya Indonesia, seperti yang telah disebutkan oleh salah seorang daripada Senator tadi mengatakan mendapat kelulusan Kementerian ini mungkin mereka mempunyai information yang relevant yang boleh kita gunakan. Mungkin ini kita mendapat co-operation ataupun kerjasama daripada negara-negara ASEAN. Tetapi sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, kalau ubat-ubatan daripada barat seperti pil-pil dan lain-lain ini senang sedikit dikaji oleh kerana mereka ada mempunyai pharmacologynya sendiri dan senang kita boleh rujuk, senang untuk dianalisa dan senang sahaja kita mendapat tahu kandungan-kandungan ubat itu.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad telah menimbulkan beberapa perkara. Pertama sekali beliau telah memberi sokongan bukan sahaja di United Nations, di sini pun beliau beri sokongan, Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga beberapa orang Senator lain telah meminta Kementerian ini supaya melaksanakan peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Rang

Undang-undang ini. Ini memanglah menjadi hasrat dan tujuan kita supaya dapat kita melaksanakan peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini yang terpaksa dipinda mengikut perkembangan dari semasa ke semasa.

Mengenai teguran beliau supaya kita menengok sedikit masalah ubat tradisi ini yang telahpun saya sebut tadi, suka juga saya menyatakan di sini bahawa sikap Kementerian Kesihatan terhadap traditional medicine ini, kita mempunyai satu open mind, kita tidak mengatakan bahawa traditional medicine itu tidak betul, hanya ubat Western medicine sahaja yang betul—tidak begitu, bahkan kita mempunyai satu open mind kerana memang ada juga baiknya ubat tradisi ini dan telah dibuktikan dalam beberapa kes.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam mesyuarat pada bulan yang lepas dalam mengkaji masalah traditional medicine, Yang Berhormat Menteri telah mengarahkan supaya satu Jawatankuasa Kecil dibentuk di bawah satu jawatankuasa yang besar yang memang ada khas dalam Kementerian itu untuk mengkaji dalam masalah traditional medicine ini mengikut perkembangan ubat-ubat tradisi ini sama ada dari segi rawatan mahupun dari segi bahan-bahannya terutama sekali daripada masalah menentukan keselamatan supaya mereka tidak termasuk dalam Western treatment, umpamanya mereka menggunakan antibiotic iaitu satu ubat yang kalau disalahgunakan boleh membawa merbahaya. Itulah sikap (attitude) kita terhadap traditional medicine.

Suka juga saya menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, masalah pengkajian mengenai traditional medicine ini bahkan pernah dicadangkan supaya Kementerian ini mengadakan satu Institusi Ubat Tradisi. Saya rasa pernah saya katakan bahawa setakat ini Kementerian tidak mempunyai keupayaan untuk menjalankan ini, kerana traditional medicine ini tidak ada mempunyai sukatan apa yang kita hendak gunakan. Umpamanya singse, ubat-ubatan Cina, group ini mengatakan kami betul, ini tidak betul, yang mana kita hendak pakaikan ukuran. Begitu juga bagaimana cara kita hendak menganalisa ataupun menentukan

sama ada ubat bomoh ini betul, ubat bomoh itu tidak betul, padahal dia baca pada air, dia ludah sedikit, bila diminum, boleh baik. Ini yang menjadi kesulitan.

Daripada segi cadangan dan teori memang senang tetapi apabila masa kita hendak mengimplementasikan, melaksanakan rancangan-rancangan ini kita menghadapi banyak kesulitan. Jadi dengan ini sukar juga kita hendak mendaftarkan ubat-ubat tradisi sama ada bomoh-bomoh itu sendiri mahupun ubat-ubatnya seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad tadi.

Penjualan ubat-ubat yang berleluasa di tepi-tepi jalan, mereka ini memang betul, memang cekap bercakap, tertarik hati dan ramai orang membeli ubatnya oleh kerana mereka pandai dan petah bercakap bahkan saya pernah mendengar seorang guru yang telah pada satu ketika melawat satu negeri, tidak ada duit lagi. Apa yang dia buat ialah dia beli vitamin dan dia duduk di tepi jalan dan bercerita, banyak mendapat untung. Dengan wang ini dia dapat balik ke kampung, kalau tidak salah saya dia balik ke Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim telah menyebut tentang tidak adanya serbuan-serbuan yang dibuat oleh Kementerian ini walaupun Parlimen memberikan kelulusan dan menambahkan lagi denda. Sukalah saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat dan memberitahu bahawa banyak serbuan-serbuan yang telah kita buat bahkan kalau tidak salah sebelum Senate bermula pada bulan November kita membuat serbuan di Pasar Chow Kit. Kalau tidak salah kita telah menangkap 5 orang penjual-penjual ubat dan telah menahan 12 samples di sana, dan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menyambung pada hari esok.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 8hb Januari, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.